

"DARIPADA 'Atiah Radiallahuanhu ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maka apabila salah seorang dari kamu marah, maka hendaklah ia berwuduk". (Riwayat Al-Imam Abu Daud).

GURU-GURU MUDA DIGALAKKAN UNTUK JADI AHLI PGGMB

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

SUNGAI AKAR, Ahad, 29 Jun. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berkata sesungguhnya guru-guru dan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) pada era-era dahulu itu secara tidak langsung adalah berada dalam kalangan majoriti masyarakat Brunei yang bersikap sederhana, rasional, tidak terburu-buru menanggapi isu-isu yang dihadapi oleh Brunei ketika itu.

"Itulah *identitas* guru-guru dengan PGGMBnya selaku pertubuhan sosial kebajikan - perguruan waktu itu. Pada hemat saya tidak kurang mustahaknya *identitas* sedemikian itu yang berupa legasi PGGMB sebagai pertubuhan sosial kebajikan - perguruan akan tidak setakat jadi kenangan.

"*Identitas* sedemikian adalah warisan budaya yang berharga dengan nilai tinggi untuk diguna pakai, diikuti dan diamalkan dalam suasana Brunei sekarang yang

sedang berkembang maju dalam era sains dan teknologi. Era yang semakin mencabar sambil mengkuatkan dengan kita manusia sangat mudah dan merasa lebih akrab dihubungkan dengan kecanggihan media sosial," demikian ujar Yang Berhormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-75 bagi Sesi Pentadbiran 2024 - 2025 bertempat di Dewan Sekolah PGGMB Kampung Sungai Akar, hari ini.

Untuk itu, tambah Yang Berhormat lagi, guru-guru muda dari pelbagai jurusan pendidikan dan ilmu serta kemahiran hendaklah ditarik - galakkan menjadi Ahli PGGMB.

Seterusnya terang Yang Berhormat, mereka akan didorong dan diberi laluan tampil dengan ketara untuk dirasakan keberadaan mereka bergerak sama memimpin PGGMB.

>> Muka 3



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-75 bagi Sesi Pentadbiran 2024 - 2025 di Dewan Sekolah PGGMB Kampung Sungai Akar.

Memperkukuh peranan AIIB sebagai platform pelbagai hala

Siaran Akhbar :
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi

BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Sabtu, 28 Jun. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Gabenor mewakili Negara Brunei Darussalam di Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB) telah menghadiri Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor-gabenor AIIB Ke-10 yang telah diadakan pada 24 hingga 26 Jun 2025 di Beijing, Republik Rakyat China.

Dengan tema 'Connecting for Development, Collaborating for Prosperity', Mesyuarat Tahunan tersebut telah memberikan peluang kepada Ahli-ahli AIIB untuk mengkaji pencapaian AIIB sepanjang dekad pertama operasinya, sejak penubuhannya pada tahun 2016.

Perdana Menteri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang, menyampaikan ucapnama pada Majlis Perasmian, di mana Tuan Yang Terutama menekankan pertumbuhan AIIB dan pelaburan besar dalam projek-projek di seluruh negara ahlinya.

>> Muka 5

Kibar bendera sempena Hari Keputeraan mulai 1 Julai

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Jun. - Bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Ke-79 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sukacita menyeru rakyat dan penduduk negara ini supaya sama-sama mengibarkan bendera di rumah kediaman masing-masing dan

bangunan-bangunan kerajaan dan premis - premis perniagaan serta pemasangan dan penyalan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta selama satu bulan bermula Selasa, 1 Julai hingga 31 Julai 2025.

Sehubungan itu, Pengiran-pengiran dan orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan orang ramai pula akan mengibar Bendera Negara Brunei Darussalam.

14 anak damit lahir 1 Muharam diraikan

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam mengendalikan Majlis Pemberian Hadiah kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 1 Muharam sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 bertempat di Lobi, Klinik Obstetrik dan Ginekologi, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof,

selaku Pengerusi Lembaga Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Datin; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Datin; dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. dan Pengiran Datin.

Pemberian hadiah sumbangan KHEU disempurnakan oleh tetamu-tetamu khas iaitu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi; dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan isteri, Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee.

>> Muka 4



Berita Utama



3 terima Anugerah Ahli Tertua PGGMB

Muka 3



60 penjaja sertai Karnival PEKERUPA 2025

Muka 7



PELUANG bertukar idea dalam penyelesaian cabaran alam sekitar, sosial

Muka 10



MAGNET peti sejuk jadi pilihan

Muka 20

Siram bumi kesayangan kita dengan iman, amal takwa, kekallah berkat

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MARILAH kita sama-sama merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita dapat pula menyambut Tahun Baharu 1447 dalam keadaan riang dan selesa.

Semoga Tahun Baharu Hijrah yang kita sambut ini akan membawa 'keberkatan' kepada kita semua dan negara, dengan keamanan dan kemakmuran menjadi milik kita, dinikmati oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk.

Kita sedia memahami, bahawa era hari ini adalah era yang tidak menentu, yang berlaku di dalamnya pelbagai kemelut atau krisis. Maka oleh itu, kita adalah diperlukan untuk sentiasa waspada bagi menepis apa jua perkara yang tidak diingini dari menjangkiti kita.

Misalnya, perkembangan dan kepesatan teknologi menggunakan Artificial Intelligence (AI) adalah seumpama 'penghijrahan' yang kini kita alami dalam kehidupan seharian. Meskipun perkara ini diambil positif, namun harus diingat jika AI disalahgunakan oleh mana-mana pihak, ianya boleh menjadi

ibarat virus yang merebak secara dalaman yang boleh meracuni pemikiran dan mengelirukan minda kita serta boleh memesonkan akidah seseorang.

Pada hakikatnya, beta amat yakin dan optimis, bahawa kita insyaaAllah mampu untuk menjadi sebuah negara yang mantap dengan pembangunan berjalan lancar tanpa sebarang gangguan. Perkara ini telah pun terbukti berjalan baik dan insyaaAllah ia akan berterusan pelaksanaannya.

Mengapakah perkara yang baik ini sentiasa memihak kepada kita? Jawabnya, kerana kita sentiasa konsisten menjadi Islam sebagai teras panduan dalam pentadbiran. Kita sentiasa patuh mengikut apa-apa yang disuruh oleh agama dan tidak membuat apa-apa yang dilarang oleh agama.

Ini menjadi dalil, bahawa iman dan takwa sedang subur di bumi bertuah ini, Brunei Darussalam. Maka kerana itulah janji Allah sedang dan telah berlaku ke atas kita, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-A'raf, ayat 96, tafsirnya:

"Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya Kami bukakan pintu kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi....."

Seyogianya diingat, bahawa 'berkat' itu bukanlah satu tetapi pelbagai. Negara aman - adalah berkat. Negara makmur - adalah berkat. Ketaatan kepada Ulii Amri - adalah berkat. Rakyat hidup bersatu padu - adalah berkat dan lain-lain seumpamanya.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Tahun Baharu 1447 di Istana Nurul Iman.

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	ISNIN	4	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
1 JULAI	SELASA	5	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
2	RABU	6	4.38	4.48	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
3	KHAMIS	7	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.36	7.52
4	JUMAAT	8	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
5	SABTU	9	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
6	AHAD	10	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
34 24 °C	33 24 °C	34 24 °C	
Pekan Bangar			
33 24 °C	33 24 °C	33 24 °C	
Pekan Tutong			
33 24 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
33 24 °C	32 24 °C	33 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

30 JUN 2025

Menghayati bulan Muharam

KITA sudah berada dalam bulan Muharam dan seperti yang diketahui bulan Muharam memiliki keutamaan yang istimewa dalam Islam, terutamanya kerana ia merupakan bulan yang dimulakan Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana disebutkan dalam hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Muharam ertinya diharamkan. Muharam adalah bulan pertama dalam kalendar Hijrah, menandakan awal tahun baharu Islam. Pada bulan ini, umat Islam digalakkan untuk melakukan berbagai macam ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya ganjaran pahala bagi mereka yang beramal ibadat di bulan ini adalah sangat besar dan begitu juga sebaliknya jika melakukan maksiat di bulan ini akan mendatangkan dosa yang besar. Marilah kita memperbanyak ibadah dan menjauhi perbuatan yang dilarang, kerana segala amal baik yang dilakukan akan dilipatgandakan pahalanya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam bulan Muharam juga dianjurkan untuk berpuasa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat menganjurkan umatnya untuk memanfaatkan bulan ini dengan meningkatkan ibadah, termasuk puasa. Puasa pada bulan Muharam, khususnya pada hari Asyura (10 Muharam), memiliki keutamaan yang sangat besar. Puasa Asyura disebutkan dapat menghapus dosa-dosa kecil selama setahun yang telah berlalu. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sering melakukan puasa pada asyhurul hurum (Zulkaedah, Zulhijah, Muharam dan Rejab)".

Galakan berpuasa pada Hari Asyura ini juga berdasarkan hadis riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim bahawa Ibnu Abbas Radiallahuanhuma beliau telah berkata : "Aku tidak melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengutamakan hari puasa yang melebihi atas hari lain kecuali hari ini, iaitu Hari Asyura dan bulan Ramadan".

Sangat rugi bagi sesiapa yang tidak mengambil peluang berpuasa pada hari tersebut kerana kelebihannya sangat besar. Oleh itu, manfaatkanlah kelebihan yang disediakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ini.

Keutamaan bulan Muharam ini memberikan kesempatan bagi umat Islam untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta mengambil pelajaran daripada peristiwa bersejarah yang terjadi pada bulan ini. Ini merupakan satu peluang untuk kita merenung, bermuhasabah dan berazam untuk memperbaiki diri serta mengukuhkan lagi keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru kita sebagai umat Islam hendaklah memanfaatkan bulan ini untuk meraih pahala sebanyak-banyaknya. Lakukanlah amal ibadat di samping amal kebaikan agar kita mendapat rahmat Allah Subhanahu Wata'ala lebih-lebih lagi jika dilakukan pada bulan Muharam. Marilah kita mulakan bulan Muharam ini sebagai dorongan untuk memperbaiki diri, memperkukuh akidah dan mempertingkatkan amal ibadah. Penghijrahan merupakan perjalanan hidup yang memerlukan keikhlasan, pengorbanan dan keazaman tinggi. Semoga setiap langkah kita menuju hijrah yang lebih baik akan mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Guru-guru muda digalakkan untuk jadi Ahli PGGMB

>> Muka 1

"Mereka mempunyai nafas yang lebih bernafas panjang, meneruskan dan menyambung nafas yang sedia ada dengan lebih berstamina panjang. Anggap dan terimalah mereka itu seolah-olah nafas baharu yang berstamina kepada kelangsungan yang berkesan PGGMB sebagai pertubuhan sosial - keguruan," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat seterusnya berkata, PGGMB perlu terus menerus memastikan keberadaannya yang positif sebagai pertubuhan sosial - keguruan itu dalam arus perdana pembangunan negara kini dan seterusnya dalam masa yang panjang melimpasi

jangka waktu Brunei sampai ke garis mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, jelas Yang Berhormat, antara langkah ke hadapan ialah PGGMB selayaknya menimbangkan untuk turut dengan ketara menganjurkan atau terlibat sama dalam penganjuran bengkel, seminar bahkan konferensi persidangan-persidangan peringkat nasional dan bahkan menjadi tuan rumah konferensi mengenai isu-isu kependidikan serantau.

Yang Berhormat dalam pada itu menaruh harapan agar lebih ramai penyertaan guru-guru muda daripada latar belakang kerjaya yang sudah beragam-ragam sekarang ini.

Menurut Yang Berhormat,

mereka perlu diberikan pendedahan mengenai PGGMB sebagai pertubuhan sosial - keguruan yang boleh menampung mereka untuk bergiat juga dalam bidang kebajikan sosial lainnya termasuk kesukuan, kebahasaan dan kesusasteraan, dan untuk bergiat dalam seni suara muzik enam seni yang mempromosi seni budaya dan seterusnya seni suara serta muzik 'religi'.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa merasmikan majlis pembukaan tersebut.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



3 TERIMA ANUGERAH AHLI TERTUA PGGMB



SUNGAI AKAR, Ahad, 29 Jun. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) mengadakan Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-75 bagi Sesi

Pentadbiran 2024 - 2025 bertempat di Dewan Sekolah PGGMB Kampung Sungai Akar, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-75 bagi Sesi Pentadbiran 2024 - 2025 (kiri dan bawah kanan).

PGGMB menerima Anugerah Ahli Tertua PGGMB 2025 untuk mengenang jasa mereka yang banyak menyumbang kepada kemajuan PGGMB dalam berbagai bidang seperti kepimpinan, kebajikan, kemasyarakatan dan perekonomian. Di samping itu, mereka masih menganggotai keahlian dalam PGGMB hingga sekarang.

Penerima-penerima anugerah itu ialah Pengiran Haji Md. Yasin bin Pengiran Metassan, berusia 90 tahun, Dato Paduka Haji Mohd. Suni bin Haji Idris, berusia 90 tahun dan Pengiran Haji Md. Yassin bin Pengiran Damit, berusia 89 tahun.

Tetamu kehormat seterusnya

menyampaikan sijil penghargaan kepada mantan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PGGMB yang menamatkan tempoh perkhidmatan Sesi 2022-2025 diikuti dengan penyampaian sijil dan Hadiah Pelajar Cemerlang kepada 15 pelajar daripada sekolah-sekolah PGGMB yang memperoleh 5 'A' dalam Peperiksaan PSR bagi Tahun 2024.

Kira-kira 350 orang hadir pada majlis tersebut yang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Tadbir PGGMB, jemputan-jemputan khas, Ahli-ahli Perwakilan Mesyuarat, guru-guru dan ibu bapa murid-murid.

Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB diadakan setiap tahun dan disertai oleh Ahli-ahli Perwakilan daripada enam cawangan PGGMB daripada empat buah daerah. Sesi mesyuarat dijalankan sejurus selepas Majlis Pembukaan Rasmi sekali gus membincangkan hal ehwal pentadbiran, kewangan, pendidikan, keagamaan dan kebajikan.



HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Oleh itu, keperluan untuk mengekalkan berkat adalah perkara yang utama. Tetapi bagaimanakah cara untuk mengekalkan berkat itu? Caranya, kita anak watan hendaklah terus menyiram bumi kesayangan kita, Brunei Darussalam dengan iman dan amal takwa. Jika ini berlaku, maka insyaaAllah, akan kekalah berkat itu.

Akan tetapi, cabaran untuk mengekalkan 'berkat' itu tetap ada. Antaranya, dalam meniti arus kemodenan, teknologi AI di dunia siber kini menjadi semakin canggih dan digunakan secara meluas dalam pelbagai aspek kehidupan. Ianya juga menyebabkan kesukaran kita untuk menilai dan membezakan yang mana realiti atau yang diada-adakan.

Segelintir masyarakat kini sanggup melakukan apa sahaja untuk menipu di mana AI digunakan sebagai cabang fitnah di media sosial. Sedikit demi sedikit, penyebaran fitnah di akhir zaman ini boleh menghakiskan 'keberkatan' dengan melunturkan pengangan dan pengamalan agama Islam. Oleh itu selamatkanlah diri kita dari fitnah seumpama ini dengan meperkukuhkan iman dan ilmu pengetahuan ugama yang kuat.

Maka bersempena kita memasuki Tahun Baharu 1447 Hijrah ini, beta ingin menyarankan supaya para da'ie dan penceramah ugama akan terus mempromosikan langkah untuk mengekalkan berkat, supaya sama-sama kita, tanpa ada kecualinya, menghayati kehidupan beriman dan bertakwa yang membawa kepada berkat itu.

Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta dengan sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Ilal Hijrah 1447 kepada seluruh lapisan masyarakat di negara ini, semoga sama-sama kita dilimpahi rahmat oleh Allah, dan negara berada dalam selamat. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua PGGMB, Haji Awang Abdul Alim bin Haji Awang Othman antara lain mengongsikan bahawa keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Tahun 2024 adalah meningkat berbanding tahun sebelumnya yang mana seramai 15 murid memperoleh 5 'A'.

Beliau seterusnya berkata bahawa PGGMB akan berusia 100 tahun dalam masa 14 tahun sahaja lagi. Oleh itu, sangat elok pentadbiran PGGMB untuk menyediakan pelan strategik, visi dan misi yang jelas dalam hal ekonomi, kebajikan, pelajaran dan pembelajaran di Sekolah-sekolah PGGMB.

Sehubungan itu, semua ahli perlu bekerjasama dalam menjayakan segala perancangan dan aktiviti berdaya saing bagi memperkasakan peranan PGGMB kelak.

Acara kemudian disusuli dengan ucapan perasmian oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan penyampaian Anugerah Ahli Tertua PGGMB 2025 sempena memperingati Ulang Tahun Penubuhan PGGMB Ke-86 Tahun ini.

Seramai tiga ahli lama dalam



14 ANAK DAMIT LAHIR 1 MUHARAM DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pemberian Hadiah kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 1 Muharam sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah sumbangan kepada penerima.



>> Muka 1

Manakala Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili menyempurnakan penyampaian sumbangan berupa Akaun Si Manja BND200 dan hamper keperluan anak damit bernilai BND60.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan isteri, Pengiran Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli juga menyempurnakan pemberian hadiah berupa baucar sejumlah BND300 bagi penyertaan TBK Nur Savings dan barang keperluan anak damit.

Hadiah-hadiah anak damit yang lahir pada 1 Muharam 1447 Hijrah adalah berupa hadiah barangan anak damit bernilai BND200 dan Buku Ugama daripada KHEU; Akaun Si Manja BND200 dan hamper keperluan anak damit bernilai BND60 daripada Perbadanan TAIB dan baucar sejumlah BND300 bagi penyertaan TBK Nur Savings dan barang keperluan anak damit.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa oleh Imam Tingkat II, Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Kampung Sungai Akar, Awang



TURUT hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima (atas), manakala gambar bawah kiri, sekitar majlis berkenaan.

Muhd. Farhanuddin bin Haji Hassan.

Pada tahun ini, seramai 14 anak damit telah dilahirkan pada 1 Muharam sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 iaitu anak yang lahir bermula masuk waktu Maghrib 1 Muharam hingga berakhirnya waktu Asar, 2 Muharam 1447 Hijrah.

Di Daerah Brunei Muara, seramai 13 anak damit dilahirkan, iaitu lapan anak damit lelaki dan lima anak damit perempuan. Manakala di Daerah

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

Belaait pula, hanya seorang anak damit perempuan dilahirkan.

Kelahiran anak-anak damit pada Sambutan Ilal Hijrah ini diraikan dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dalam memperingati kedatangan hari yang baik dan bersejarah dalam Islam.

Ia juga menjadikan takwim Hijrah terus mendapat tempat penggunaannya dari semasa ke semasa.

Kelahiran anak damit Ilal Hijrah, Daerah Belait diraikan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BELAIT, Sabtu, 28 Jun. - Seorang anak damit perempuan telah lahir di Daerah Belait sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pemberian Hadiah Kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 1 Muharam 1447 Hijrah telah diadakan di Dewan Kuliah, Blok 'R', Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan dan isteri, yang kemudiannya menyempurnakan pemberian hadiah - hadiah berkenaan.

Turut hadir, Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail serta pegawai dan kakitangan HSSB dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.

Majlis berkenaan dihasratkan untuk menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kelahiran anak-anak damit pada hari yang baik dan bersejarah serta

menyemarakkan Sambutan Kedatangan Ilal Hijrah 1447.

Di samping itu, ia merupakan salah satu usaha bagi menyebarkan lagi dakwah Islamiah dan menjadikan takwim Hijrah untuk terus menerus selalu diingati, dimanfaatkan serta menjadi rujukan penggunaannya dari semasa ke semasa.



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan isteri hadir selaku tetamu khas majlis, yang kemudiannya menyempurnakan pemberian hadiah kepada penerima (atas dan atas kanan).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mengurus Masa, Tekanan Dalam Dunia Serba Pantas'. Tarikh Tutup : 2 Julai 2025
2. 'Kepentingan Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 9 Julai 2025
3. 'Membina Identiti, Jati Diri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 16 Julai 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :


pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

MEMPERKUKUKH PERANAN AIIB SEBAGAI PLATFORM PELBAGAI HALA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Gabenor mewakili Negara Brunei Darussalam di Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB) semasa menghadiri Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenor-gabenor AIIB Ke-10 yang diadakan di Beijing, Republik Rakyat China.

dan sosial di rantau Asia melalui pelaburan infrastruktur dengan tumpuan kepada projek-projek dalam sektor seperti pengangkutan, tenaga, air dan komunikasi. Mesyuarat AIIB diadakan setiap tahun dan menghimpunkan gabenor-gabenor daripada 110 negara ahli, termasuk NBD.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II turut mengadakan beberapa mesyuarat dua hala dengan Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Pembangunan Negara Kedua Republik Singapura, Puan Yang Terutama Indranee Rajah; Vice-Chairman of the National Development and Reform Commission Republik Rakyat China, Zhou Haibing, serta Timbalan Menteri di Kementerian Perdagangan Republik Rakyat China, Yan Dong.

Perbincangan semasa mesyuarat - mesyuarat tersebut telah memfokus kepada peningkatan kerjasama dua hala di antara NBD dan Republik Singapura serta NBD dan Republik Rakyat China dalam pelbagai bidang berkepentingan bersama.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

>> Muka 1

TYT Li Qiang juga mengemukakan tiga aspirasi untuk masa depan AIIB termasuk memberikan sokongan yang lebih kukuh dalam meningkatkan keupayaan pembangunan Ahli-ahli AIIB melalui pembiayaan berkualiti tinggi dan kos rendah; menegakkan regionalisme terbuka, memajukan kesalinghubungan dan mengukuhkan sinergi dengan Belt and Road Initiative serta memanfaatkan peranan AIIB sebagai platform pelbagai hala baharu.

Dalam ucapannya, Presiden

AIIB, Jin Liqun mengimbas kembali pencapaian, inisiatif dan hala tuju dasar bank sepanjang 10 tahun lalu dalam merangsang pembangunan infrastruktur serantau, mengurangkan kesan cabaran global dan menekankan kepentingan kesalinghubungan rentas sempadan, pembiayaan hijau, mobilisasi modal swasta, transformasi digital dan kerjasama strategik.

Semasa Sesi Meja Bulat, Gabenor-gabenor memberikan panduan mengenai hala tuju masa depan AIIB termasuk melalui memupuk pembangunan dan kesalinghubungan infrastruktur.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II berkongsi pandangan Negara Brunei Darussalam bahawa AIIB boleh menggalakkan kerjasama yang lebih besar dalam memitigasi perubahan iklim dengan mengintegrasikan pengurangan risiko bencana ke dalam infrastruktur serantau, melabur dalam sistem amaran awal, menggalakkan penyelesaian berasaskan alam semula jadi dan membangunkan pembiayaan inovatif untuk penyesuaian. NBD juga menggalakkan bank untuk memudahkan akses yang lebih baik bagi negara-negara kecil melalui kerjasama strategik.

Semasa mesyuarat tersebut, Zou Jiayi telah dipilih sebagai Presiden AIIB baharu bagi

menggantikan Presiden Pengasas Jin Liqun apabila tempoh perkhidmatannya berakhir pada Januari 2026. Mesyuarat Tahunan AIIB Ke-11 akan diadakan pada bulan September 2026 di Doha, Qatar.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga telah mengadakan perjumpaan bersama dengan Presiden AIIB, Jin Liqun di mana perbincangan memfokus kepada penerokaan kerjasama yang lebih erat antara NBD dan AIIB dalam pelbagai bidang berkepentingan bersama.

Sebagai sebuah bank pembangunan pelbagai hala, AIIB bertujuan untuk meningkatkan hasil ekonomi

Meningkatkan, menyuburkan iman melalui Tadarus Al-Quran

Berita dan Foto :
Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jun. - Membudayakan bertadarus Al-Quran mendorong menyemarakkan lagi amalan dalam menghidupkan kecintaan terhadap kitab suci umat Islam yang akan sentiasa meningkatkan dan menyuburkan iman.

Budaya bertadarus Al-Quran berkenaan akan memupuk persefahaman di samping meningkatkan nilai-nilai murni dalam kalangan jemaah.

Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit menjelaskan perkara berkenaan pada Majlis Khatam Al-Quran bagi pembaca Tadarus Al-Quran Subuh di Masjid Kampung Sungai Besar.

Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini yang juga Penasihat I, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJK) Masjid Kampung Sungai Besar mezhahirkan rasa gembira kerana

SESI bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran bagi pembaca Tadarus Al-Quran Subuh di Masjid Kampung Sungai Besar.

ibadah bertadarus yang diamalkan secara konsisten berkenaan juga dapat membantu mengimarahkan lagi Masjid Kampung Sungai Besar di samping mengaut pahala yang berlipat ganda.

Hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menyertai majlis berkenaan, Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Turut hadir, Penasihat II, AJK Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohidin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai



dan seterusnya bacaan Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas yang dikepalai oleh Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd.

Tamin.

Manakala Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhd. Hazman bin Haji Mohd. Hairol Azme membacakan Doa

Khatam dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya mengepalai bacaan Tahlil dan Doa Arwah.

HIJRAH DENGAN IKHLAS RAIH GANJARAN BESAR DARIPADA ALLAH

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal
Ugama**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jun. - Hijrah adalah perubahan jiwa dan gaya hidup ke arah jalan yang direndai Allah Subhanahu Wata'ala. Wanita yang berhijrah dengan ikhlas dijanjikan ganjaran yang besar oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dan sebagaimana yang diketahui, hijrah adalah langkah permulaan.

Istiqamah pula adalah kekuatan untuk terus kekal pada jalan tersebut. Kedua-duanya membawa kepada reda Allah Subhanahu Wata'ala dan membentuk wanita mukminah yang menjadi suluh cahaya kepada diri, keluarga dan ummah. Selagi hidup diberi, pintu hijrah tetap terbuka.

Demikian antara inti pati Tazkirah bertajuk 'Hijrah dan Istiqamah' disampaikan oleh Timbalan Pegawai Turus Tarbiah Agama, Jabatanarah Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kementerian Pertahanan, 1002 Mejar Fahzilleana Emey binti Haji Ahmad Alisa Eswan bagi menyeronokkan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-188, Khas untuk Wanita Ke-25 dengan kerjasama ABDB (Wanita) Sempena Hari Ulang Tahun Askar Wanita ABDB Ke-44.

Acara Malam Munajat kali ini disertai oleh pegawai - pegawai

dan anggota askar wanita ABDB, Kementerian Pertahanan yang bersiaran dari Surau Ad-Difa', Bolkiah Garrison.

Turut serta ialah ahli jawatankuasa takmir dan para jemaah dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara, warga kerja KHEU bersama keluarga serta individu yang turut hadir secara maya dari kediaman masing-masing.

Juga menyeronokkan acara Munajat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penolong Pegawai Turus Doktrin Agama, Jabatanarah Agama, ABDB, Kementerian Pertahanan, 1070 Kapten Noria Fatriah binti Haji Abd. Motalif, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Medan Agama, Jabatanarah Agama, ABDB, 1628 Leftenan Siti Nur Syahidah binti Haji Suhaili.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Penolong Pegawai Turus Inspektorat Agama, Jabatanarah Agama, ABDB, 1506 Leftenan Dayangku Nur Syadiah Hafizah binti Pengiran Haji Hasan.

Sejurus selesai Tazkirah, diteruskan dengan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Penolong Timbalan Pegawai Turus Perisikan dan Sekuriti, Markas Khidmat Bantuan Kombat, Tentera Darat



JUGA menyeronokkan acara Munajat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Diraja Brunei, 1685 Leftenan Nur Khairiyah Mumtazah binti Haji Sahri bersama Askar Wanita Jabatanarah Agama, ABDB, Kementerian Pertahanan.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Penolong Pegawai Turus Doktrin Agama, Jabatanarah Agama, ABDB.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan

mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

Kerjasama sepadu memelihara keamanan, kestabilan serantau

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

PUTRAJAYA, Sabtu, 28 Jun. - Negara Brunei Darussalam telah menyertai Mesyuarat Pegawai - pegawai Kanan ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (Senior Officials Meeting on Transnational Crime - SOMTC) dan Mesyuarat - mesyuarat Berkaitan Kali Ke-25 yang berlangsung di Putrajaya, Malaysia pada 23 hingga 27 Jun 2025.

Delegasi NBD diketuai oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad selaku Ketua ASEAN SOMTC - NBD; dan pegawai-pegawai kanan dari JPM.

Mesyuarat ASEAN SOMTC dan Mesyuarat - mesyuarat Berkaitan telah membincangkan dasar, strategi serta cabaran-cabaran keselamatan serantau dan inisiatif dalam membantaras jenayah rentas sempadan.

Pada sidang Plenari ASEAN SOMTC Kali Ke-25 pada 24 Jun 2025, Ketua ASEAN SOMTC - NBD telah menyampaikan Kenyataan Negara (Country Statement) mengenai usaha-usaha NBD dalam memerangi dan menangani kegiatan jenayah rentas sempadan termasuk Jenayah Siber; Penggunaan dan Penyeludupan Dadah Haram; Perdagangan Orang dan Penganasan.

Di antara lain, Ketua ASEAN SOMTC - NBD telah menyentuh trend peningkatan di dalam jumlah kes penipuan dalam talian atau *online scams* yang dihadapi oleh NBD.

NBD sedang giat melaksanakan pelbagai langkah bagi melindungi rakyat daripada ancaman penipuan dalam

talian melalui *task force* di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negara, yang diterajui oleh Unit Jenayah Siber yang ditubuhkan di bawah Pasukan Polis Diraja Brunei.

Beliau turut menyentuh mengenai kepentingan untuk melindungi golongan belia daripada terpengaruh dengan sikap liberal terhadap penggunaan dadah dan menegaskan agar negara-negara ASEAN untuk terus berpegang teguh dalam memperkukuhkan lagi langkah-langkah pencegahan, mempertingkatkan kempen kesedaran awam serta memperkasakan lagi agensi-agensi penguatkuasaan dan undang - undang dalam mempertahankan pendekatan toleransi sifar terhadap dadah.

Dalam ucapannya mengenai isu jenayah Perdagangan Orang (Trafficking in Persons - TIP), Ketua ASEAN SOMTC - NBD telah menghuraikan pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh NBD dalam meningkatkan kesedaran awam serta memperkukuh keupayaan agensi penguatkuasaan dan undang-undang untuk mengenal pasti dan menangani jenayah perdagangan orang dengan lebih berkesan.

Antara usaha yang dijalankan termasuk program kesedaran meluas yang dilaksanakan melalui ceramah, pendedaran risalah dan program televisyen.

Seterusnya pada 25 hingga 26 Jun 2025, Mesyuarat ASEAN SOMTC juga telah mengadakan konsultasi dengan Negara-negara Rakan Dialog ASEAN sebanyak 10 buah negara iaitu

Australia, Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, Kanada, Kesatuan Eropah, New Zealand, Persekutuan Rusia, Republik India dan Amerika Syarikat.

Semasa sesi-sesi konsultasi tersebut, NBD telah mempengerusikan bersama Mesyuarat SOMTC + Kesatuan Eropah Kali Ke-13 pada 26 Jun 2025.

Ketua ASEAN SOMTC - NBD telah menandatangani komitmen NBD untuk terus komited dalam memerangi ancaman rentas sempadan yang kian berkembang dan muncul dalam pelbagai bentuk.

NBD juga menegaskan untuk terus bekerjasama dengan Negara-negara Rakan Dialog ASEAN demi memelihara keamanan dan kestabilan serantau.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kesatuan Eropah atas segala bentuk bantuan dan kerjasama yang telah diberikan, khususnya dalam pembangunan kapasiti kepada agensi-agensi penguatkuasaan dan perundangan di rantau ini, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam menangani jenayah rentas sempadan.

Mesyuarat ASEAN SOMTC

dan Mesyuarat - mesyuarat Berkaitan Kali Ke-25 telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jaman selaku Ketua ASEAN SOMTC - Malaysia dengan disertai oleh ketua-ketua delegasi dan pegawai-pegawai kanan dari negara-negara ASEAN dan Republik Demokratik Timor Leste.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Politik Keselamatan ASEAN, Puan Yang Terutama Dato' Astanah Abdul Aziz.



DELEGASI Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Ketua ASEAN SOMTC - NBD.

60 PENJAJA SERTAI KARNIVAL PEKERUPA 2025

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Karnival PEKERUPA 2025 'Mapit-Mapit Li Long Belait' (singgah-singgah *tah* ke Belait) (atas). Manakala gambar bawah, antara Persembahan Kebudayaan yang dipersembahkan pada karnival tersebut.



BELAIT, Ahad, 29 Jun. - Badan Kebajikan PEKERUPA (Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang Daerah Belait) menganjurkan Karnival PEKERUPA 2025 'Mapit-Mapit Li Long Belait' (singgah-singgah *tah* ke Belait) selama empat hari bermula 26 Jun hingga 29 Jun 2025 yang berlangsung di kawasan Jalan Sungai Kuala Belait, di sini.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Karnival telah diadakan hari ini yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Turut hadir bagi sama-sama memeriahkan lagi majlis tersebut,

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.

Sebelum majlis pelancaran, tetamu kehormat berserta yang hadir mengikuti ekspedisi berbasikal sejauh 12 kilometer yang bermula dan berakhir di Jalan Sungai Kuala Belait.

Sejurus ekspedisi berbasikal, tetamu kehormat melancarkan karnival diikuti dengan beberapa Persembahan Kebudayaan dan acara sampingan seperti Pertandingan Tarik Kalat.

Kemudian, tetamu kehormat dibawa melawat ke petak-petak penjaja untuk beramah mesra. Sebanyak 60 penjaja menyertai karnival tersebut dengan menjual



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa berucap.

pelbagai jenis jualan yang turut disertai oleh Satu Kampung Satu Produk (1K1P) Daerah Belait.

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser
No. 1 di kalangan **lelaki** dan
No. 2 di kalangan **wanita**
di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi: 1 dalam 10
1 dalam 5
kanser lelaki
kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari:
<https://moh.gov.bn/>

Koperasi ITM Berhad adakan Mesyuarat Agung Tahunan



KETUA Unit Pembangunan Koperasi ketika berucap.

KIULAP, Ahad, 29 Jun. - Koperasi Ikatan Teluk Mewah (ITM) Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-17 / 2024 bertempat di Higher Cafe, Higher Hotel, hari ini.

Mesyuarat dihadiri oleh Ketua Unit Pembangunan Koperasi, Pengiran Suridah binti Pengiran Haji Sulaiman yang juga selaku wakil peribadi kepada Setiausaha

Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin.

Permuzakarahan antara ahli-ahli lembaga koperasi dan ahli-ahli saham telah membincangkan beberapa agenda antaranya menyemak dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung sebelumnya selain perkara berbangkit dalam minit berkenaan.

Sidang mesyuarat juga membentangkan Laporan Setiausaha Agung serta mengesahkan Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2024; menerima laporan juruaudit luar dan pandangan pendaftar koperasi; menimbang dan meluluskan cadangan pembahagian keuntungan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Agenda permesyuaratan juga mengetengahkan bagi meluluskan dan mengesahkan belanjawan tahunan bagi Tahun Kewangan 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026; melantik audit luar, H.H Lim & Co



KETUA Unit Pembangunan Koperasi, Pengiran Suridah binti Pengiran Haji Sulaiman yang juga selaku wakil peribadi kepada Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa bergambar ramai pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-17 / 2024.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

untuk mengaudit akaun koperasi bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2025 serta pembubaran dan melantik Ahli Lembaga Koperasi bagi Sesi Tahun 2025 - 2026.

Adapun jumlah keramaian pemegang saham koperasi berkenaan ialah seramai 509 ahli dicatatkan sehingga 31 Disember 2024 dengan modal saham terkumpul sebanyak

BND2,107,151 dan jumlah aset ITM pula sebanyak BND3 juta.

Selain itu, prestasi kewangan koperasi tersebut mencatatkan pencapaian yang sangat baik dan telah mengekalkan pendapatan operasinya kepada BND10 juta dengan keuntungan bersih berjumlah BND276,572.

SENTIASA LAKUKAN PENGHIJRAHAN, PERUBAHAN KE ARAH LEBIH BAIK

Oleh : Aimi Sani

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

MENTIRI, Sabtu, 28 Jun. - Hijrah mengingatkan kita kepada peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda dalam mempertahankan dan mengembangkan kesucian syiar Islam.

Kita bukan sahaja perlu mengingat peristiwa bersejarah Baginda berkenaan, bahkan menghidupkan erti sebenar hijrah dalam kehidupan kita seharian dan teladani agar kita sentiasa melakukan penghijrahan atau perubahan ke arah yang lebih baik.

Peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan sejarah agung yang telah membawa perubahan kepada kehidupan umat Islam pada ketika itu kepada kehidupan yang lebih bertamadun dan sempurna.

Peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat berkenaan adalah suatu peristiwa yang banyak memberi iktibar dan pengajaran kepada sekalian umat Islam supaya sentiasa melakukan hijrah atau perubahan.

Walaupun hijrah seumpama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak berlaku lagi pada zaman ini tetapi konsep penghijrahan tetap berterusan dalam kalangan umat Islam sesuai dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang bermaksud :

"Daripada Muawiyah Radiallahu 'anhu ia berkata : Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Hijrah itu tidak akan terhenti sehinggalah tertutupnya peluang taubat dan peluang taubat itu tidak akan

tertutup sehinggalah matahari terbit dari tempat terbenamnya".

Dari hadis berkenaan jelas menunjukkan bahawa hijrah itu akan terus berlaku dalam kehidupan umat manusia. Maksudnya hijrah tidak hanya merujuk kepada perpindahan dari Mekah ke Madinah tetapi konsep hijrah meliputi hijrah hati dan perlakuan dengan berusaha melaksanakan kebaikan dan meninggalkan keburukan serta kemungkaran.

Negara kita sentiasa memperingati Awal Tahun Hijrah dengan mengadakan pelbagai majlis keagamaan, namun tidaklah memadai memperingatinya tanpa kesedaran mahu meningkatkan ketakwaan dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, sesiapa yang berusaha mencapai sesuatu yang lebih baik dalam kehidupannya sudah melakukan sebahagian daripada maksud hijrah dan mendapat pahala hijrah jika ia diniatkan untuk memperoleh keredaan Allah.

Oleh itu, berhijrah untuk berubah kepada lebih baik perlu menjadi matlamat dalam kehidupan masyarakat Islam setiap masa. Sesiapa yang hidupnya hari ini tidak berubah menjadi lebih baik daripada semalam, bermakna dia sudah mensia - siakan peluang berkenaan.

Maka bersempena dengan melangkahnya kita ke Tahun Baharu 1447 Hijrah ini, marilah kita tingkatkan usaha untuk lebih mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana inilah peluang kita semua untuk berubah dan muhasabah diri ke arah mempertingkatkan amalan, keimanan dan ketakwaan

kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Kita harus berusaha dengan bersungguh - sungguh agar perintah Allah Subhanahu Wata'ala dapat kita laksanakan dengan sebaik-baiknya, bahkan semakin hari semakin bertambah baik, semakin umur kita meningkat semakin rajin beribadat sehingga menjadi dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

BERUSAHA mencapai sesuatu yang lebih baik dalam kehidupannya sebahagian daripada maksud hijrah dan mendapat pahala hijrah jika ia diniatkan untuk memperoleh keredaan Allah.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

کمنترین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

RPPI catat penurunan sebanyak 4.8 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jun. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi suku pertama 2025 (Q1 2025).

Indeks berkenaan dihasilkan dengan data yang diperoleh daripada bank-bank di NBD dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI).

RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari semasa ke semasa.

RPPI pada Q1 2025 adalah pada tahap 87.8 peratus, menunjukkan penurunan sebanyak 4.8 peratus berbanding dengan Q1 2024, dan penurunan sebanyak 1.9 peratus berbanding dengan Q4 2024.

Berdasarkan data pinjaman bagi

pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperoleh daripada bank-bank, sebanyak 103 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatat pada suku pertama 2025.

Ini menunjukkan penurunan sebanyak 29.9 peratus dalam bilangan transaksi berbanding dengan Q4 2024 dan peningkatan sebanyak 27.2 peratus berbanding dengan satu tahun yang lalu. Sebahagian besar daripada transaksi pada Q1 2025 adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (58.3 peratus), diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* (18.4 peratus), rumah teres (16.5 peratus), pangsapuri (5.8 peratus) dan tanah (1.0 peratus).

Harga penengah (median) bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q1 2025 adalah BND220,000. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 8.5 peratus berbanding dengan Q4 2024, dan penurunan sebanyak 10.9 peratus berbanding dengan

Q1 2024.

Harga penengah adalah BND229,500 bagi pembelian rumah berasingan, BND220,000 bagi rumah berkembar, BND215,000 bagi rumah teres, BND136,500 bagi pangsapuri dan BND38,700 bagi pembelian tanah.

Pengiraan RPPI lazimnya menggunakan harga penengah (*median*) dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.

Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian hartanah persendirian pada Q1 2025 adalah di Daerah Brunei dan Muara (87 hartanah), diikuti oleh Daerah Tutong (sembilan hartanah). Daerah Belait (enam hartanah), dan Daerah Temburong (satu hartanah). Lima buah mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi adalah Mukim Sengkuring, Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Berakas 'B', dan Mukim Lumapas.

Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q1 2024	Dari Q4 2024
Q1 2025	87.8	-4.8%	-1.9%
Jumlah Transaksi pada Q1 2025 mengikut Daerah			
Brunei dan Muara	87		
Tutong	9		
Belait	6		
Temburong	1		
5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q1 2025			
Sengkuring	26		
Kilanas	19		
Gadong	12		
Berakas B	9		
Lumapas	6		

dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antara lain kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.

Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman sesawang BDCB www.bdc.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

KDNK NEGARA CATAT PENURUNAN SEBANYAK 1.8 PERATUS

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jun. - Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus tahun-ke-tahun bagi suku tahun pertama (Q1) 2025.

KDNK menurun daripada BND4.99 bilion pada Q1 2024 kepada BND4.90 bilion. Penurunan berkenaan adalah disebabkan penurunan sektor minyak dan gas sebanyak 1.5 peratus dan sektor bukan minyak dan gas sebanyak 2.0 peratus.

Sektor minyak dan gas bagi Q1 2025 menurun disebabkan oleh penurunan pengeluaran gas asli dan Gas Cecair Asli (LNG), berikutan dengan aktiviti penyelenggaraan yang berjadual dan tidak berjadual.

Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah meningkat, didorong oleh peningkatan kapasiti pengeluaran daripada telaga minyak sedia ada dan baharu.

Penurunan sektor bukan minyak dan gas adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan subsektor - subsektor seperti perikanan (16.0 peratus), lain-lain pembuatan (-14.6 peratus), perkhidmatan kesihatan (-11.0 peratus), pembuatan produk petroleum dan kimia (-7.8 peratus), kewangan (-4.3 peratus), dan perkhidmatan perniagaan (-4.0 peratus).

Subsektor perikanan menurun berikutan pengurangan dalam aktiviti penangkapan ikan yang terjejas oleh musim tengkujuh (*monsoon season*). Subsektor lain-lain pembuatan pula menurun sejajar dengan pengurangan aktiviti yang berkaitan dengan industri minyak dan gas.

Manakala penurunan subsektor perkhidmatan kesihatan adalah selaras dengan penstrukturan institusi perkhidmatan kesihatan swasta utama. Sementara, subsektor pembuatan produk petroleum dan kimia menurun selaras dengan pengurangan pengeluaran produk petroleum dan kimia disebabkan aktiviti penyelenggaraan berjadual.

Manakala subsektor kewangan menurun selaras dengan penurunan pendapatan aktiviti perbankan. Subsektor perkhidmatan perniagaan pula menurun disebabkan oleh pengurangan permintaan perkhidmatan profesional, terutamanya aktiviti pengaturcaraan komputer.

Mengikut aktiviti ekonomi, sumbangan utama KDNK bagi Q1 2025 adalah sektor industri yang menyumbang sebanyak 58.4 peratus, diikuti oleh sektor perkhidmatan 40.5 peratus, dan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan 1.1 peratus.

Bagi Q1 2025, jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada


harga semasa adalah sebanyak BND4.9 bilion, menurun daripada BND5.1 bilion pada Q1 2024. Daripada jumlah KDNK tersebut, sektor bukan minyak dan gas menyumbang sebanyak 54.2 peratus, antara lain terdiri daripada aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia.

Manakala, sektor minyak dan gas yang merangkumi subsektor perlombongan minyak dan gas, dan pembuatan LNG yang menyumbang sebanyak 45.8 peratus.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, KDNK negara menurun pada Q1 2025 disebabkan oleh pembentukan modal kasar (pelaburan aset fizikal) yang menurun sebanyak 13.2 peratus, eksport bersih barangan dan perkhidmatan 7.0 peratus, dan perbelanjaan penggunaan akhir isi rumah 3.0 peratus. Walau bagaimanapun, perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat sebanyak 0.8 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Laporan penuh KDNK Q1 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn.



Membangun modal insan melalui program latihan yang diiktiraf

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jun. - Mengambil kursus tambahan untuk meningkatkan atau memperbaharui kemahiran diri adalah menjadi satu keperluan pada masa kini lebih-lebih lagi dengan keadaan dunia digital yang serba pantas ini.

Ia bukan sahaja sekadar untuk menambah ilmu tetapi strategi untuk kekal relevan dalam pasaran kerja yang kompetitif.

Sehubungan dengan itu, Pelita Brunei berkesempatan menemui Ketua Jabatan Bahagian Road Safety Department Mahkota Maju Sdn. Bhd. Training Center, Kampung Sungai Bera, Setia, Awang Muhammad Khairul Azmi

bin Abdullah, iaitu selaku tenaga pengajar melalui dalam talian mengenai dengan faedah mengambil kursus-kursus tambahan untuk meningkatkan atau memperbaharui keterampilan (*reskilling* dan *upskilling*).

Menurut Awang Muhammad Khairul, pelaburan dalam kemahiran adalah pelaburan yang paling bernilai untuk masa depan yang lebih berjaya.

Tambahnya, dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar dan berdaya saing, kemahiran semasa sahaja tidak lagi mencukupi. Individu dan organisasi kini digalakkan untuk terus mengambil kursus tambahan bagi

meningkatkan (*upskilling*) atau memperbaharui (*reskilling*) keterampilan sedia ada agar kekal relevan dalam landskap kerjaya yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

Antara faedah utama *reskilling* dan *upskilling* katanya, termasuk peluang kerjaya yang lebih luas dan terbuka serta menambah kemahiran membuka lebih banyak pintu dan peluang dalam dunia pekerjaan.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa penyesuaian diri dengan perubahan industri dapat membolehkan individu menyesuaikan diri dengan teknologi dan proses kerja terkini.

"Ia juga dapat meningkatkan keyakinan dan profesionalisme, ilmu dan kemahiran baharu untuk meningkatkan lagi tahap keyakinan dan kecekapan dalam tugas harian.

"Selain itu, sumbangan kepada produktiviti dan keselamatan organisasi serta tenaga kerja yang terlatih mampu memberikan impak langsung kepada kejayaan sesebuah organisasi.

"Salah satu kursus yang semakin mendapat sambutan ialah Kursus Pemanduan Berhemah (Defensive Driving) yang ditawarkan oleh Mahkota Maju Sdn. Bhd. Training Center. Kursus ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pemandu-pemandu individu, malah sangat relevan bagi organisasi yang menguruskan

kenderaan syarikat atau pengangkutan pelanggan," ujarnya.

Menyentuh dengan faedah kursus berkenaan, Awang Muhammad Khairul menjelaskan ia adalah termasuk meningkatkan kesedaran dan tumpuan semasa memandu dan juga peserta yang dilatih perlu mengenal pasti potensi bahaya lebih awal melalui teknik penumpuan, pemerhatian, jangkaan, ruang dan waktu serta penilaian risiko.

Tambahnya lagi, bagi membantu mengurangkan risiko kadar kemalangan jalan raya, latihan berkenaan dapat membantu membentuk tabiat pemanduan yang lebih selamat serta efektif. Melindungi nyawa dan aset organisasi serta pemanduan yang terlatih secara langsung boleh melindungi penumpang serta imej sesebuah organisasi.

Mahkota Maju Sdn. Bhd. Training Centre jelasnya, merupakan salah sebuah antara syarikat yang menyediakan latihan profesional yang komited dalam membangunkan modal insan melalui pelbagai program latihan yang diiktiraf seperti OPITO dan relevan dengan keperluan industri.

"Antara kursus lain yang ditawarkan oleh Mahkota Maju Sdn. Bhd. Training Centre adalah termasuk Latihan Keselamatan Industri (Safety Training - Lifting & Hoisting), Latihan Offshore (TBOSIET, TFOET, THUET, TSBB, CA-EBS), Kursus Pertolongan Cemas (First Aider), Latihan Marshal Kebakaran (Fire Marshal Training), Latihan Permit untuk



KETUA Jabatan Bahagian Road Safety Department Mahkota Maju Sdn. Bhd. Training Center, Kampung Sungai Bera, Setia, Awang Muhammad Khairul Azmi bin Abdullah.

Bekerja (PTW Permit to Work) serta pelbagai kursus lain dalam bidang kemahiran teknikal dan pengurusan risiko," katanya lagi.

Menyentuh mengenai dengan tenaga pengajar yang berpengalaman serta fasiliti latihan yang lengkap, Awang Muhammad Khairul menjelaskan Mahkota Maju Sdn. Bhd. Training Centre terus komited dalam menjadi pilihan utama bagi individu-individu dan juga syarikat yang ingin melabur dalam latihan kemahiran yang berkualiti, selamat dan berkesan.

Bagi yang berminat untuk menyertai kursus-kursus yang ditawarkan ataupun mempunyai pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi secara langsung di talian utama +673 8208988 ataupun layari laman sesawang www.mahkotamaju.com serta akaun media sosial TikTok @mmsbtraining.



ANTARA yang menyertai kursus yang ditawarkan oleh syarikat berkenaan.

PELUANG BERTUKAR IDEA DALAM PENYELESAIAN CABARAN ALAM SEKITAR, SOSIAL



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini telah menghantar dua pelajarannya untuk menyertai Regen Asia Summit (RAS) 2025 selaku International Student Executive Committee (ISEC) yang akan diadakan pada 26 Jun 2025 hingga 6 Julai 2025, bertempat di National University of Singapore (NUS).

RAS berkenaan adalah acara yang memberi tumpuan kepada kemampanan (*sustainability*) dan penjaan semula (*regeneration*) dan ia akan menghimpunkan para

pemimpin muda daripada pelbagai negara untuk bertukar - tukar idea dan memberi cadangan penyelesaian untuk cabaran alam sekitar dan sosial.

Manakala ISEC ialah kumpulan pelajar yang akan membantu merancang dan menjalankan sidang kemuncak berkenaan.

Para pelajar berkenaan telah mengambil bahagian dalam kursus dan kelas mengenai penjaan semula dan menghadiri sidang kemuncak secara langsung serta menjalankan pelbagai tugas seperti pelaksanaan idea dan

PARA pelajar yang akan mewakili Negara Brunei Darussalam menyertai Regen Asia Summit (RAS) 2025 selaku International Student Executive Committee (ISEC) yang diadakan pada 26 Jun 2025 hingga 6 Julai 2025, bertempat di National University of Singapore (NUS).

berhubung dengan rakan sebaya yang pelbagai sebagai persediaan selaku ISEC.

Awang Muhammad Syafiq bin Haji Mohammad Ali Sabri dan Dayang Damia Humaira binti Haji Abdul Rashid dari Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, UNISSA telah berlepas ke Republik Singapura bagi mewakili Negara Brunei Darussalam selaku Ahli Jawatankuasa Eksekutif bagi *summit* berkenaan.

Sebelum itu, mereka telah diberikan latihan kursus dan kelas pengetahuan khusus untuk acara berkenaan selaku Jawatankuasa Eksekutif bermula Disember 2024 bersama pelbagai rakan sebaya daripada beberapa buah negara lainnya.

Turut hadir mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Dekan Pelajar UNISSA, Dayang Nurhafizatulhikmah binti Haji Seribini.


TAHUKAH AWDA?



APA ITU TENAGA SURIA?

- Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.
- Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

ATAS GRID	LUAR GRID	HIBRID
Bersambung dengan grid utiliti.	Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.	Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.


TAHUKAH AWDA?

Dengan sistem atas grid, sebarang lebih tenaga elektrik yang awda dihasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

www.energy.gov.bn
renewable.energy@energy.gov.bn
675 2384488 ext 3271


BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department





BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

[bruneiweather](https://bruneiweather.gov.bn)
[@brunei.weather](https://twitter.com/brunei.weather)
Weather Line 114
www.met.gov.bn

Kejayaan graduan hasil sokongan, dorongan doa



AWANG Muhammad Eiman Shafiz bin Mohamad Sofian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jun. - Kejayaan merupakan hasil sokongan serta dorongan berterusan yang juga ditampung dengan doa dan usaha masing - masing sehingga mencapai kecemerlangan.

Pencapaian cemerlang bagi graduan-graduan yang menerima Anugerah Graduan Cemerlang 2025 semestinya menjadi inspirasi dan dorongan kepada pelajar-pelajar lain.

Sehubungan itu, Dayang Syifa

Wajihah binti Sheaidi ketika ditemui media menjelaskan bahawa antara cabaran terbesar yang dihadapi ialah mencari keseimbangan antara tuntutan akademik serta kesejahteraan diri dan beliau mengahadapinya dengan penuh keyakinan, kesabaran dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

"InsyaaAllah, saya akan berkongsi ilmu dan kemahiran saya untuk menyokong pencapaian matlamat negara dan Wawasan Brunei 2035," ujarnya pada Majlis Anugerah Graduan Cemerlang 2025 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, hari ini.

Kepada rakan-rakan yang masih berjuang, tambahnya, jangan mudah putus asa dan jangan sesekali membandingkan diri dengan orang lain serta percaya pada kemampuan diri sendiri, insyaaAllah segalanya akan dipermudahkan.

Bagi Awang Muhammad Eiman Shafiz bin Mohamad Sofian pula, cabaran yang sukar baginya ialah untuk mengekalkan fokus serta ketenangan semasa belajar di sana dan beliau mengatasinya dengan merancang jadual

pembelajaran dengan baik, mengambil masa untuk berehat apabila perlu dan sentiasa mengingatkan diri bahawa beliau tidak bersendirian kerana ada insan yang sentiasa menyokongnya.

Beliau juga merancang untuk memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang diperoleh serta memberikan bimbingan kepada generasi akan datang.

"Saya ingin menasihati para pelajar agar tidak menjadikan kesempurnaan sebagai matlamat utama, sebaliknya utamakan kemajuan yang konsisten. Ingatlah selalu kepada keluarga yang menjadi pendorong utama perjuangan ini dan jangan abaikan kewajipan solat serta berdoa, kerana ia dapat memberi ketenangan jiwa dan memudahkan urusan," ujarnya.

Dayangku Nur Bazimah binti Pengiran Haji Ahmad Masudwardi Aidil-Fitri pula berpendapat, antara yang paling mencabar adalah permulaan pengajiannya yang bermula semasa pandemik COVID-19 melanda dan dua tahun pertama berlangsung sepenuhnya secara dalam talian.

"Peralihan daripada pembelajaran dalam talian kepada

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar



DAYANGKU Nur Bazimah binti Pengiran Haji Ahmad Masudwardi Aidil-Fitri dan Dayang Syifa Wajihah binti Sheaidi (kiri dan kanan).

pembelajaran bersemuka bukanlah sesuatu yang mudah. Saya perlu berusaha keras untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ini, dan alhamdulillah, dengan sokongan daripada para guru dan pensyarah, saya perlahan-lahan dapat menyesuaikan diri," ujarnya.

Beliau menjelaskan lagi, ingin memulakan kerjaya dengan baik, membina hubungan dan

menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan, di samping menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Tambahnya, berusahalah ikut kemampuan sendiri dan jangan terlalu memikirkan pencapaian orang lain serta percayalah, kejayaan datang dari usaha sendiri.

سوروكو

مهمي دان معحياتي فغرتين هجرة

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتكن كيلمانن كقدن. سسوغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسى الله ﷺ ايت اياه اورغ يغ فالينغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ، براوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

تاهون هجرة مروفاكن تاريخ يغ امت فتينغ كران اي تله منجيتنا سجاره اكوغ فوجواغن رسول الله ﷺ دفرينغت اول اسلام. هجرة جوك منجادي لميغ فروبهن دان ممري معنى يغ جوكوف بسر كقد فمباغونن غمدون اومت اسلام. اول تاهون هجرة يغ ستياف تاهون كيت سمبوت دان رايكن سبترن ثولو دهمي دان دحياتي اكر كيت دافت مموهي تونتوتن دان مغمبيل ايعتر درقدن.

انتارا فغاجون دري هجرة ايت اياه دري معنى هجرة ايت سنديري. هجرة بوكن ساج برارتي برفينده دري سواتو نمقت يغ لاي تافي جوك برارتي منيغكلكن سواتو فربواتن يغ تيدق بايك.

سسوغكوهن هجرة رسول الله ﷺ تيدق لاكي اكن برلاكو كقد اومت اسلام ماس كيني تافي كيت ماسيه تنف دافت ملاكوكن هجرة دالم مقصود منيغكلكن سوا فربواتن يغ دلارغ اوليه الله ﷺ دان ملاكوكن سكل سوروهنن. سيدا رسول الله ﷺ يغ دروايتكن اوليه امام بخاري دري عبدالله بن عمرو رَوَى: **وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا هَيَّيَ اللَّهُ عَنْهُ.**

مقصودن:

دان اورغ يغ برهجرة ايت اياه اورغ يغ منيغكلكن سكل لارغن الله ﷺ.

جماعه يغ درحمي الله،

نكارا كيت سنتياس ممرايغي كتيبان اول تاهون هجرة دغن مغاداكين قلوباكي مجلس كاكامان، سفرتي جرامه-جرامه، فوروم-فوروم دان فربينجغن-فربينجغن سرت اكتبوي-اكتبوي يغ منجوروس كاره فغحياتن هجرة يغ

داداكن دسلوروه نكارا. اين منونجوفكن بتاف كيت بنر-بنر معحياتي دان مغمبيل ايعتر سرت فغاجون درقد فريستوا هجرة رسول الله ﷺ يغ اكوغ.

نامون تيدقله ممداي سكيران مغاداكين مجلس اونتوق ممرايغي هجرة ترسبوت جك تيدق اد كسدرن ماهو منيغكتكن كتقوان دان كطاعتن كقد الله ﷺ. اوليه يغ دمكين، جك سساورغ ايت مراساكن تردافت سيكت دان فريبادين يغ كورغ ايلوق سترتي كورغ صبر، مالن، جئت برقوتوس اسا دان سكل صفة-صفة مدمومة اتاو بوروق، مك جوباله اونتوق برهجرة ممرايكي دري دغن صفة-صفة محموده اتاو ترقوجي اكر منجادي ساورغ مسلم يغ بايك. سسوغكوهن فغجهرن سفرتي اين اكن بايق منداتغن كاوتونغ دان منفعة، بوكن سهاج كقد دري انديولو ايت سنديري بهكن جوك مغاوتونغن كقد كلوارك، مشاركت دان نكارا. مك اينله فلواغ كيت سموا اونتوق بروبه دان محاسبة دري كاره ممرايغكتكن عمالن، كيلمانن دان كتقوان سمات-سمات مغهارفكن كريضان الله ﷺ. الله ﷺ بفرمان دالم سورة الأنفال آية ٧٤:

تفسيرن:

دان اورغ-اورغ يغ برلمان دان برهجرة سرت برجهاد قد جالن الله دان اورغ-اورغ (انصار) يغ ممري نمقت كديمان دان فرتولوغن (كقد اورغ-اورغ مهاجرين ايت)، مريك اينله اورغ يغ برلمان دغن سبتر-بنرن. مريك برأولي كامقونن دان رزقي (نعمت) يغ مليا (يغ تيدق فوتوس-فوتوس دشر).

جماعه يغ درحمي الله،

اومت اسلام ثولو براوسها برهجرة منيغكلكن سكل فربواتن يغ منداتغن كيوروقن دان مباوا كقد ككاكلن هيدوف، ليه-ليه لاكي فربواتن يغ دلارغ اوليه الله ﷺ بروبه له كقد كهيدوفن يغ ليه بايك دان ليه دكت كقد الله ﷺ.

الله ﷺ اكن سنتياس ممتنو همبا-همبان يغ برنية اونتوق ملاكوكن فروبهن بايك قد دري دان كهيدوفن. يقينله، انداي كيت برسوغكوه-سوغكوه اونتوق بروبه، فستي كيت مندافت حاصل يغ بايك

نني. تافي جك كيت تيدق سغكوف برهجرة، مستحيل كجايا اكن ترجاي دان كماجوان تيدق اكن برحاصيل. كيت ثولو ايعت بهاوا اسلام تيدق مبروه كيت برديام دري دان منوغكو الله ﷺ اونتوق مغوبه كادان هيدوف كيت تنقا براوسها. فرمان الله ﷺ دالم سورة الرعد آية ١١:

تفسيرن:

سسوغكوهن الله تيدق مغوبه (كادان) اف يغ اد قد سواتو قوم سهيشكله مريك مغوبه (كادان) اف يغ اد قد دري مريك سنديري. دان اقبيل الله مغمبيلقي (اونتوق منيغكتكن كيوروقن (عذاب) كقد سواتو قوم مك تيدق اد يغ دافت منولقن. دان مريك تيدق ممراوليبي فليندوغ سلاين درقدن.

اخيرن، برسمقنا تاهون بارو هجرة ١٤٤٧ اين ماريله كيت سام-سام محاسبة دري، برتوبه دان موهون كامقونن دري سكل دوسا-دوسا يغ كيت لاكوكن سلاما اين. امبيل كيركن بولن محرم اين منجادي تيتك تولق باكي كيت تروس منيغكتكن كواليبي ايمان مالولي سمبيل، ذكر دان باجان القرآن يغ استقامه، ممرايكي اداب دان اخلاق دالم كلوارك، مشاركت دان فركجان، ساليغ تولوغ منولوغ، بركاسيه سايغ دان منجاك فرسودارن سمام كيت. موده-مودهن كيت سموا اكن مندافت فتونجوقن دان رحمة درقد الله ﷺ، آمين يا رب العالمين.

تفسيرن:

سسوغكوهن اورغ-اورغ يغ برلمان دان برهجرة سرت برجهاد قد جالن الله دغن هرتا بندا دان جيوا مريك اداله ليه بسر دان تيغكي درجتن دسيسى الله دان مريك اينله اورغ-اورغ يغ برجا. {سورة التوبة آية: ٢٠}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا بِرَأُونَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالْجَنَّةِ النَّائِيَةِ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّاعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدَ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبَ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 41 / 25 - 26
Exterior Car Body Painting For
RTB Vehicles

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 9 Julai 2025
Jam 2.00 Petang



Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 43 / 25 - 26
Supply, Deliver And Install
Aluminium Louvers For All
Windows At The Corridor Of 1st,
2nd & 3rd Floor At Main Building,
Radio Television Brunei
Broadcasting Complex, Sungai
Akar.

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 9 Julai 2025
Jam 2.00 Petang



Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 42 / 25 - 26
Supply, Deliver And Install Carpet
Tile For Walkway Ground Floor At
Main Building, Radio Television
Brunei Broadcasting Complex,
Sungai Akar.

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 9 Julai 2025
Jam 2.00 Petang



Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 44 / 25 - 26
Supply And Install Stainless Steel
Railing For Atrium Internal
Balcony At Radio Television
Brunei Broadcasting Complex,
Sungai Akar.

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 9 Julai 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
4 / BBS / SDSFJBKBS / 2025 -
2026

Keterangan Projek:
Supply And Delivery Of Ink
Cartridges Jabatan Bandaran
Kuala Belait Dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup :
Selasa, 15 Julai 2025



JUA 06 / 2024
Consultancy For The
Enhancement Of Hydrographic
Services And Development Of
Marine Spatial Data Infrastructure

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup :
Selasa, 22 Julai 2025



Pemberitahuan Tawaran:
Tarikh Tutup Tawaran
Dilanjutkan Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan Kementerian
Pengangkutan Dan
Infokomunikasi

Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 3.2024
The Design, Supply, Development,
Delivery, Installation,
Configuration, Testing, Training
and Commissioning of the
Enterprise Content Management
(ECM) System Namely Sistem
Pengurusan Rekod (SPeRe)

Tarikh Tutup:
Selasa, 22 Julai 2025



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dalam
Kategori dan Kelas Terbuka

Tarikh Buka Sebut Harga:
Rabu, 18 Jun 2025.

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
Isnin, 30 Jun 2025.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 1 Julai 2025.
Jam, 2.00 Petang.

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025 - 04

Tajuk Projek:
Term Contract [24 Months] For



Grass Cutting And Cutting Trees
Works To Compound Area Under
Ministry Of Home Affairs, Negara
Brunei Darussalam.

Bilangan Projek :
KHEDN/B/2106-04

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Rujukan Tawaran:
POS / T / 10 / JPP / 2025 - 2026

Tawaran Penyewaan Ruang
Kosong Di Pejabat Pos Rimba
Bagi Menjalankan Perniagaan dan
Perkhidmatan Yang Bersesuaian
Di Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa, 8 Julai 2025



Rujukan Tawaran:
POS / T / 11 / JPP / 2025 - 2026

Tawaran Penyewaan Ruang
ATM Di Pejabat Pos Bagi
Menjalankan Perkhidmatan Mesin
ATM Di Negara Brunei
Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa, 8 Julai 2025



Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 /
Q07
Invitation To Renew Krystal
Document Management System –
Technical Support For 1 Year For
Ministry Of Development

Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:



Isnin, 30 Jun 2025

Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:
Khamis, 10 Julai 2025.

Tarikh Tutup:
Isnin, 14 Julai 2025.
Jam Sebelum 9.00 Pagi.



INGIN MENGETAHUI TARIKH
UJIAN / TEMU DUGA AWDA?



Layari www.recruitment.gov.bn
dan semak “Kalendar Saya”

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn



Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 15 Muatan Kementerian Pendidikan Tahun 2025 Daerah Brunei dan Muara

Tajuk Tawaran

1. MOE / LTK / 22 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 27 Buah Bagi Zon A Daerah Brunei Muara Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

2. MOE / LTK / 23 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 12 Buah Bagi Zon B Daerah Brunei Muara Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

3. MOE / LTK / 24 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 2 Buah Bagi Zon C Daerah Brunei Muara Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

4. MOE / LTK / 25 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 11 Buah Bagi Zon D Daerah Brunei Muara Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

5. MOE / LTK / 26 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan

Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 31 Buah Bagi Zon E Daerah Brunei Muara Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Daerah Tutong

Tajuk Tawaran

6. MOE / LTK / 27 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 17 Buah Bagi Zon A Daerah Tutong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

7. MOE / LTK / 28 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 8 Buah Bagi Zon B Daerah Tutong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

8. MOE / LTK / 29 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 14 Buah Bagi Zon C Daerah Tutong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

9. MOE / LTK / 30 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 17 Buah Bagi Zon D Daerah Tutong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak

Dikembalikan]

Daerah Belait

Tajuk Tawaran

10. MOE / LTK / 31 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 16 Buah Bagi Zon A Daerah Belait, Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

11. MOE / LTK / 32 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 10 Buah Bagi Zon B Daerah Belait, Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

12. MOE / LTK / 33 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 17 Buah Bagi Zon C Daerah Belait, Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Daerah Temburong

Tajuk Tawaran

13. MOE / LTK / 34 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 9 Buah Bagi Zon A Daerah Temburong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

14. MOE / LTK / 35 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 6 Buah Bagi Zon B Daerah Temburong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,

Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

15. MOE / LTK / 36 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak 9 Buah Bagi Zon C Daerah Temburong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup :
Selasa,
22 Julai 2025



Rujukan Tawaran:
01 / STOR / 2025 – 2026

Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Cartridge Dan Toner Printer di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Satu (01) Tahun.

Tarikh Tutup:
Rabu,
9 Julai 2025

Dan ditujukan kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Tingkat Bawah, Peti Sebut harga Jalan Menteri Besar BB3910 Negara Brunei Darussalam



Makluman Iklan Lanjutan

Dibukakan Kepada Kontraktor Kelas IV & V Dan Kategori B01

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 001 / 2025 Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Tutong District and Belait District, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 002 / 2025 Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Zone IV Within Brunei Muara District and Temburong District, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 003 / 2025 Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Zone I And Zone IIA Within Brunei Muara District, Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 004 / 2025 Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Zone I And Zone IIB Within Brunei Muara District,

Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 005 / 2025 Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong & Sekolah Arab Belait, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 006 / 2025 Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STA HB) and Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD), Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 007 / 2025 Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kg Rimba, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 008 / 2025 Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Anak Hajah Saleha, Kg Katok, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga:
Selasa
22 Julai 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa Khas 22 Muatan Kementerian Pendidikan Tahun 2025 Daerah Brunei dan Muara

Tajuk Tawaran

1. MOE / LTK / 37 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 16 Buah Bagi Zon B Daerah Brunei Muara Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :

BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

2. MOE / LTK / 38 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 17 Buah Bagi Zon C Daerah Brunei Muara Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :

BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

3. MOE / LTK / 39 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 18 Buah Bagi Zon D Daerah Brunei Muara Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :

BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

4. MOE / LTK / 40 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)

Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 14 Buah Bagi Zon E Daerah Brunei Muara Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen

Bilangan Sebut Harga:
13 / JUL / 2025 / KKBS / PJK / 16.105

Tajuk Sebut Harga:
Replacement Of Cubicle Toilet Door At Block 2 And Block 5 For Program Khidmat Bakti Negara Training Camp (PKBN), Batu Apoi, Temburong

Tarikh Tutup :
Khamis, 17 Julai 2025



Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Daerah Tutong

Tajuk Tawaran

5. MOE / LTK / 41 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 7 Buah Bagi Zon A Daerah Tutong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

6. MOE / LTK / 42 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 10 Buah Bagi Zon B Daerah Tutong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

7. MOE / LTK / 43 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 8 Buah Bagi Zon C Daerah Tutong Di Bawah Kawalan Bahagian



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
06 / 2025 / KKBS / PPB / 05

Tajuk Tawaran :
Kontrak Penggal Dua Puluh Empat (24) Bulan Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Landskap Di Kawasan Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Selasa, 8 Julai 2025



Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

8. MOE / LTK / 44 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 15 Buah Bagi Zon D Daerah Tutong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Daerah Belait

Tajuk Tawaran

9. MOE / LTK / 45 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 3 Buah Bagi Zon B Daerah Belait, Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun

Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
06 / 2025 / KKBS / PPB / 04

Tajuk Tawaran :
Kontrak Penggal Dua Puluh Empat (24) Bulan Kerja-Kerja Pembersihan Bangunan Dan Kawasan Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Selasa, 8 Julai 2025



Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Daerah Temburong

Tajuk Tawaran

10. MOE / LTK / 46 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 4 Buah Bagi Zon A Daerah Temburong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

11. MOE / LTK / 47 / 2025 / 2026 (BKP-JULAI-2025)
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak 15 Buah Bagi Zon B Daerah Temburong Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan Dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun Dengan Opsyen Tambahan Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

1. Nama Dokumen Sebut Harga:
Penenderan Jamuan Makanan Dan Minuman Bagi Majlis-Majlis, Aktiviti Dan Kursus Selama Dua (2) Tahun, Bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Di Daerah Brunei dan Muara

Bilangan Sebut Harga:
09 / DBP / SH / 2025 - 2026

2. Nama Dokumen Sebut Harga:
Penenderan Jamuan Makanan Dan Minuman Bagi Majlis-Majlis, Aktiviti Dan Kursus Selama Dua (2) Tahun, Bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Di Daerah Tutong

Bilangan Sebut Harga:
10 / DBP / SH / 2025 - 2026

3. Nama Dokumen Sebut Harga:
Penenderan Jamuan Makanan Dan Minuman Bagi Majlis-Majlis, Aktiviti Dan Kursus Selama Dua (2) Tahun, Bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Di Daerah Temburong

Bilangan Sebut Harga:
11 / DBP / SH / 2025 - 2026

4. Nama Dokumen Sebut Harga:
Penenderan Jamuan Makanan Dan Minuman Bagi Majlis-Majlis, Aktiviti Dan Kursus Selama Dua (2) Tahun, Bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Di Daerah Belait

Bilangan Sebut Harga:
12 / DBP / SH / 2025 - 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup :
Rabu, 16 Julai 2025



BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu :
22 Julai 2025 – Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Pusat Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
MOE / LTK / 02 / 2025 / 2026
(PTP-APRIL-2025)

Tajuk Tawaran:
Phase 2024/2025: Procurement of
Learning Devices for
Ministry of Education

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND35.00 (Bayaran Yuran
Tawaran sebanyak BND30.00 dan
E-Dokumen sebanyak BND5.00
tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu:
22 Julai 2025,
Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
16 Julai 2025
(Rabu) jam 2.45 Petang



Pusat Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
MOE / LTK / 01 / 2025 / 2026
(PTP-APRIL-2025)

Tajuk Tawaran:
Phase 2024/2025: Procurement of
Interactive Panels and Network
Attached Storage (NAS) for
Ministry of Education

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND35.00
(Bayaran Yuran Tawaran
sebanyak BND30.00 dan
E-Dokumen sebanyak BND5.00
tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu:
22 Julai 2025,
Selasa,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
16 Julai 2025
(Rabu)
jam 2.45 Petang



JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
07 / JMM / S / 12 / 91 (2025 /
2026) – R

Tajuk Tawaran:
Pembelian Tiga (3) Buah Jenis
Kenderaan Rasmi Jabatan (BG)
Bagi Jabatan Muzium-Muzium,
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan

Tarikh Tutup :
Selasa,
8 Julai 2025



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bahagian Khidmat
Bakti Negara [BKBN]
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
20 / MEI / KKBS / BKBN / 1.40 /
25

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Tilam (Single
Mattress) Bagi Kem Latihan,
Program Khidmat Bakti Negara,
Kg Batu Apoi, Daerah Temburong.

Tarikh Tutup :
Khamis,
3 Julai 2025



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
12 / JUN / 2025 / KKBS / PJK /
16.105

Tajuk Sebut Harga:
Twenty-Four (24) Months Term
Maintenance For CCTV System At
Program Khidmat Bakti Negara
Training Camp, Batu Apoi,
Temburong, Negara Brunei
Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis
10 Julai 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dalam

Kelas:
IV & V

Kategori :
Terbuka

**Tarikh akhir mengambil
Dokumen Tawaran pada :**
Sabtu, 5 Julai 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Julai 2025
Jam 2.00 Petang

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025-05

Tajuk Projek:
Request For Quotation (RFQ) For
Proposed Supply, Installation And
Maintenance Of Outdoor Led
Screen At Taman Haji Sir Muda
Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri
Begawan, Brunei Darussalam

Bilangan Projek:
KHEDN / BPE / 2105 / 02

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
11 / JUN / 2025 / KKBS / PJK /
16.22

Tajuk Sebut Harga:
General Building Term
Maintenance For A Period Of
Twenty-Four (24) Months For
1) Pusat Pembangunan Belia; &
2) Outward Bound Brunei
Darussalam Main Office

Tarikh Tutup :
Khamis, 10 Julai 2025



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
V & VI

Kategori:
S01

Tarikh Buka Tawaran pada:
23 Jun 2025 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
8 Julai 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
22 Julai 2025 (Selasa) Sebelum
Jam 2.00 Petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan Terbang
Lama Berakas, Bandar Seri
Begawan BB3510, Negara Brunei
Darussalam)

JASTRE / BKP / T013 / 2025
Pembersihan Sungai Brunei Bagi
Tempoh Lima (5) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BKP / T013 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND500.00
(Non Refundable)



Keterangan Projek:
Supply, Delivery And Install Of
Smart TV And Accessories For
Jabatan Bandaran Kuala Belait
Dan Seria, Jalan Mckerron, Kuala
Belait.

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Bilangan Tawaran:
07 / BBS / SH / 2025-2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa 8 Julai 2025
Jam 2.00 Petang





دولتکبار وکلی توان قاتق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Sempena Sambutan Ulang Tahun

Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

KIBARKANLAH

BENDERA KEBANGSAAN DAN BENDERA PERIBADI

Bermula 5 Muharam 1447H bersamaan 1 Julai 2025M

Ke- **79** Tahun



www.information.gov.bn
www.pelita-brunei.gov.bn | www.infofoto.gov.bn



Jabatan Penerangan
Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn

Pelita Brunei

pelita-brunei

pelita-brunei

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

IMBASAN MINGGUAN

AKSI para peserta yang menyertai Pertandingan Memanah yang diadakan di kawasan letak kereta Masjid Az-Zakireen, Kampung Meragang. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

PARA belia ketika menyertai Program Belia Santuni Anak Yatim 2025, anjuran Kumpulan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

PELAJAR-pelajar semasa berada di dalam konsep Bilik Darjah Pintar Hijau bagi Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Sekolah Menengah Lambak Kiri. - Foto : Azmah Haji Ahad.

TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada 216 pelajar Tahun 9 yang menghadiri taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sayyidina Hasan. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

AKSI salah seorang peserta wanita pada Kejohanan Angkat Berat Kebangsaan Brunei 2025 bertempat di Dewan Sekolah Sukan, Kampung Pulaie. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



Magnet peti sejuk jadi pilihan

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Ihsan Magnets n Crafts

APABILA kita melancong ke luar negara, semestinya kita suka mendapatkan buah tangan yang menarik dengan harga yang berpatutan apabila dibeli dalam jumlah yang banyak.

Antara yang sering menjadi pilihan ialah magnet peti sejuk. Bermula dengan sering membeli magnet ketika melancong, ia menimbulkan minat kepada Dayang Fatimah binti Arifin dan Dayang Amalina binti Ramli untuk membuka perniagaan membuat magnet, di bawah label Magnets n Crafts secara separuh masa.

Mula berniaga pada tahun 2011 akan tetapi Magnets n Crafts hanya mula ditubuhkan setahun yang lalu.

Peluang timbul apabila seorang penjual magnet di tempat Dayang Fatimah sering menempah, menjual mesin membuat magnet tersebut kerana berpindah negara. Oleh itu, beliau menawarkan untuk membeli mesin tersebut. Bermula dengan satu mesin

untuk membuat magnet bentuk segi empat sama, sekarang sudah berkembang dengan beberapa mesin. Ini membolehkan syarikatnya mengembangkan kapasiti untuk menawarkan tiga jenis produk dan serta menambah Stock Keeping Unit (SKU).

Ditanya mengenai dari mana belajar membuat magnet, beliau mempelajarinya secara *online* iaitu melalui orang yang sama-sama membuat perniagaan tersebut.

"Sewaktu awal bermula, terlalu banyak *failure rate* dalam membuat magnet dan alhamdulillah selepas tiga bulan pertama saya mejadi mahir dalam pembuatan magnet," katanya.

Sumber bahan dan material bagi membuat magnet pula diperoleh dari dalam dan luar negara.

Antara produk yang sering mendapat tempahan ialah *customized photo magnets*, Magnet Cenderamata Brunei dan Magnetic Tales tertakluk kepada masa dan musim tempahan.

Dalam perniagaan ini, beliau hanyalah dibantu secara suka-suka oleh ahli keluarga

iaitu adik dan anak buah yang masih bersekolah.

Harga produk bermula dengan harga BND3 satu unit, selain menawarkan secara pakej dan juga pesanan secara pukal dengan harga berpatutan.

Selain magnet peti sejuk berbentuk segi empat sama, segi empat tepat dan bulat, syarikat ini juga menawarkan pembuatan *badge* berbentuk bulat, *keychain* berbentuk bulat yang mana boleh direka bentuk menggunakan foto dan sebagainya, dan juga 'Magnetic Tales' iaitu magnet yang boleh ditulis untuk menulis *planner*, *to-do list*, senarai barang untuk dibeli, peringatan, nota dan boleh juga diubah suai mengikut cita rasa masing-masing.

Beliau juga ingin mencuba membawa pembaharuan kepada Magnet Cenderamata Brunei agar dapat menyediakan pelbagai pilihan kepada para pelanggan.

Alhamdulillah sebenarnya membuat magnet untuk pelanggan adalah sesuatu yang menyeronokkan kerana dapat

merasakan kebahagiaan mereka melalui foto-foto yang dijadikan magnet. Mendapat duit lebih merupakan bonus akan tetapi setakat ini hasil yang diperoleh digunakan untuk membeli mesin bagi mengembangkan lagi perniagaan dan memajukan lagi produk yang sedia ada.

Kebanyakan pelanggan merupakan *return customers* kali kedua atau ketiga dan seterusnya yang mahu membuat magnet untuk dijadikan hadiah dan ia amat dihargai.

Beliau bersyukur kerana produk-produk beliau dapat dijual melalui Bruneian Made Store di The Mall, NollyBook di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan WkndBliss di Impiana Jaya.

"Saya beraspirasi untuk bersaing di dalam perniagaan dan akan sentiasa memberikan nilai terbaik dalam pasaran dan menyediakan produk berkualiti tinggi," jelasnya.

Bagi mereka yang ingin melihat hasil kraf tangan beliau, bolehlah melayari Instagram [Magnetsncrafts.bn](https://www.instagram.com/magnetsncrafts.bn).



Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

PANTAI merupakan salah satu tempat beriadah yang sangat popular di berbagai belahan dunia, termasuk di negara kita Brunei Darussalam. Namun, seiring dengan bilangan pengunjung yang semakin bertambah, banyak pantai yang mulai tercemar oleh sampah sarap. Oleh kerana itu, menjaga kebersihan pantai menjadi tugas kita bersama, baik sebagai pengunjung mahupun penduduk sekitar.

Hanya dengan tindakan yang sederhana namun konsisten, kita mampu menjaga kelestarian alam dan memastikan bahawa pantai-pantai kita tetap bersih dan indah.

Sektor pelancongan adalah merupakan sektor yang tidak kurang pentingnya dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Pelancongan pantai adalah merupakan salah satu tarikan yang unik dalam industri pelancongan kerana keadaan pantai semula jadi yang cantik, bersih dan tidak tercemar mampu untuk menarik minat pelancong baik dari dalam mahupun dari luar negara untuk datang melancong ke negara ini. Oleh yang demikian aspek kebersihan dan kecantikan serta keselesaan kawasan pantai dan kemudahan perjalanan ke tempat destinasi merupakan aspek utama yang harus difokuskan bagi menjamin kedatangan pelancong ke kawasan pantai.

Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan sebuah negara yang kaya

dengan sumber alam semula jadi yang indah dan mempesonakan. Kewujudan dan keunikan flora serta faunanya adalah sebuah khazanah alam yang tiada ternilai harganya. NBD juga mempunyai kawasan persisiran pantai yang indah dan menarik. Keindahan persisiran pantai yang menyamakan dan persekitaran yang mempesonakan merupakan aset penting negara dalam membantu menarik pelancong tempatan dan luar negara datang berkunjung. Anugerah alam yang tercipta terutamanya pantai yang terdapat di negara ini dan tiada ternilai telah menjadikan pantai sebagai salah satu tempat untuk membawa keluarga beriadah semasa percutian mereka.

Di negara kita sendiri terdapat beberapa pantai yang begitu menarik sebagai tempat untuk kita beriadah bersama keluarga, antaranya Pantai Muara, Pantai Serasa, Pantai Seri Kenangan dan yang ketika ini menjadi *viral* dan mendapat sambutan hangat dalam kalangan pencinta pantai iaitu Pantai Penabai yang terletak di Daerah Tutong.

Keindahan semula jadi Pantai Penabai ini dengan deretan pepohonan kelapa yang menghijau menjadikan ianya begitu lain daripada kewujudan pantai-pantai yang sedia ada di negara kita. Berkunjung ke Pantai Penabai ini seolah-olah membuatkan kita seperti berada di negara luar dan inilah

yang menarik lebih ramai lagi para pengunjung untuk bertandang ke pantai ini.

Jika kita amat-amati keindahan yang terdapat di Pantai Penabai ini, ianya berpotensi untuk dijadikan sebagai destinasi pelancongan yang mana ianya bukan sahaja dapat membantu meningkatkan dan menambahkan sumber pendapatan negara malahan pelancongan juga merupakan satu sektor terpenting negara dalam memperkenalkan serta mempromosikan NBD di peringkat antarabangsa.

Namun begitu, sektor pelancongan terutamanya pelancongan kawasan pantai masih terdapat kekurangan dan perlu diperbaiki supaya ia lebih signifikan serta dikenali oleh semua golongan termasuk pelancong domestik dan pelancong asing dari luar negara. Pelancongan kawasan pantai yang berpotensi masih ada lagi yang terbiar dan tiada usaha mahupun tindakan untuk membangunkan kawasan pantai tersebut terutamanya kawasan pantai yang berpotensi sebagai kawasan pelancongan pantai. Kita percaya di mana adanya daya tarikan yang cukup pada sesebuah pantai yang terdapat di negara kita ini ianya bukan sahaja dapat membantu menarik kedatangan pelancong ke kawasan pantai malahan dapat membantu menambahkan pendapatan seisi keluarga dengan membuka perniagaan di kawasan tersebut seperti kedai makan, barangan kraf tangan dan sebagainya.

Ini terbukti apabila tibanya musim cuti persekolahan atau cuti-cuti umum serta di hujung minggu, Pantai Penabai ini akan menjadi antara lokasi untuk orang ramai beriadah, menenangkan fikiran, berkumpul bersama keluarga. Bahkan pada hari-hari biasa juga ianya akan menjadi kunjungan orang ramai terutama para penduduk yang menetap berdekatan dengan pantai berkenaan. Selain itu, kehadiran orang ramai di pantai berkenaan untuk pelbagai aktiviti bukan sahaja memeriahkan suasana malah turut memberikan limpahan rezeki kepada peniaga tempatan yang menjual barangan seperti makanan, minuman ringan dan bermacam-macam lagi.

Pada kesimpulannya, pelancongan merupakan salah satu sumber utama pendapatan negara terutamanya bagi negara yang mempunyai sumber alam semula jadi dan keindahan alam semula jadi yang banyak. Kedatangan para pelancong asing ke negara kita ini khususnya telah banyak membantu dalam meningkatkan pendapatan negara daripada segi pertukaran mata wang asing maka sektor pelancongan perlu diperluaskan. Dengan terdapatnya fauna dan flora serta pantai-pantai yang indah mampu dijadikan sebagai pusat pelancongan yang terkenal dan dikenali umum mahupun dunia. Ini akan membantu negara kita untuk dikenali di mata dunia kerana kekayaannya daripada segi keindahan serta pemandangan yang menarik serta semula jadi.





IRAN BUKA SEMULA RUANG UDARA TENGAH, BARAT UNTUK PENERBANGAN TRANSIT ANTARABANGSA

TEHRAN, 29 Jun. - Iran pada Sabtu membuka semula ruang udaranya di kawasan tengah dan barat untuk penerbangan transit antarabangsa, umum Kementerian Jalan dan Pembangunan Bandar, menurut Xinhua.

Jurucakap kementerian, Majid Akhavan dalam kenyataan berkata keputusan itu dibuat selepas mendapat kelulusan Pertubuhan Penerbangan Awam (CAO) Iran serta selesai penilaian keselamatan dan sekuriti oleh pihak berkuasa

berkaitan.

Beliau menambah bahawa sebelum ini Iran telah membuka semula ruang udara timurnya untuk penerbangan domestik, antarabangsa dan transit, sambil menegaskan tiada penerbangan akan mendarat atau berlepas dari

lapangan terbang Iran di bahagian utara, selatan dan barat.

Dalam kenyataan berasingan, CAO memaklumkan ruang udara Iran di bahagian utara, selatan dan barat akan kekal ditutup sehingga 14:00 waktu tempatan (1030 GMT) pada Ahad.

Iran menutup ruang udaranya pada 13 Jun susulan serangan udara Israel ke atas Tehran dan kawasan lain. Selepas konflik udara selama 12 hari, kedua-dua pihak mencapai persetujuan gencatan senjata pada Selasa. - ©BERNAMA

Lithuania, Latvia, Estonia maklumkan PBB tarik diri Konvensyen Ottawa

VILNIUS, 29 Jun. - Lithuania, Latvia dan Estonia pada Jumaat secara rasmi menyerahkan notis penarikan diri mereka daripada Konvensyen Ottawa kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), lapor Xinhua.

Tiga negara Baltik itu memaklumkan bahawa keperluan keselamatan negara yang berubah menjadi sebab utama keputusan bersepadu mereka untuk keluar daripada Konvensyen yang melarang penggunaan, penyimpanan, pengeluaran dan pemindahan periuk api anti-personel.

Menteri Luar Lithuania Kestutis Budrys mengumumkan langkah itu menerusi platform media sosial X pada Jumaat.

"Hari ini, Lithuania secara rasmi

memaklumkan Setiausaha Agung PBB mengenai penarikan diri daripada Konvensyen Ottawa. Keputusan ini tidak dibuat dengan mudah," kata Budrys.

Kementerian Luar Latvia pula berkata persekitaran keselamatan serantau telah berubah dengan ketara sejak Latvia menyertai Konvensyen. "Penarikan diri daripada Konvensyen Ottawa akan memberikan Latvia fleksibiliti untuk mengukuhkan langkah pencegahan dan memastikan perlindungan negara serta rakyatnya," menurut kementerian itu.

Menteri Luar Estonia Margus Tsahkna berkata: "Dengan keluar daripada Konvensyen Ottawa, Angkatan Pertahanan Estonia akan mempunyai lebih fleksibiliti

dalam memilih sistem senjata, peralatan dan penyelesaian yang diperlukan untuk memperkukuh keupayaan pertahanan negara."

Penarikan diri ini membolehkan ketiga-tiga negara Baltik secara sah memperoleh, menghasilkan, menyimpan, menggunakan dan memindahkan periuk api anti-personel.

Ketiga - tiga negara menegaskan mereka kekal komited terhadap undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan akan terus menyokong usaha nyahperiuk api secara kemanusiaan serta bantuan kepada mangsa konflik bersenjata.

Konvensyen Ottawa telah ditandatangani pada 1997 dan mula berkuat kuasa pada 1999. Lithuania, Estonia dan Latvia

masing-masing menyertai Konvensyen pada 2003, 2004 dan 2005, manakala Poland menjadi pihak kepada perjanjian itu pada 2012.

Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, ketiga-tiga negara telah melalui proses perundangan domestik untuk memudahkan penarikan diri mereka.

Parlimen Lithuania meluluskan langkah keluar itu pada Mei lalu, dengan Presiden Gitanas

Nauseda menyifatkan ia sebagai langkah logik dan perlu.

Keputusan bersama negara-negara Baltik ini adalah sebahagian daripada inisiatif serantau yang lebih luas, dengan Poland dan Finland turut memulakan proses untuk keluar daripada Konvensyen.

Di bawah peraturan perjanjian, penarikan diri akan berkuat kuasa enam bulan selepas notis rasmi diterima oleh Setiausaha Agung PBB. - ©BERNAMA

Spanyol bersiap hadapi gelombang haba dengan suhu lebih 40 darjah Celsius

MADRID, 28 Jun. - Sepanyol dijangka mengalami gelombang haba pertama tahun ini dengan suhu maksimum melebihi 40 darjah Celsius, menurut ramalan perkhidmatan cuaca negara AEMET pada Jumaat, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Bermula Sabtu, 75 peratus daripada semua kawasan perbandaran di negara itu dijangka berdepan risiko kesihatan pada tahap rendah, sederhana atau tinggi. Suhu paling panas, mencecah sehingga 43 darjah, dijangka berlaku di wilayah selatan Andalusia.

Bagaimanapun, penduduk sekitar Zaragoza di timur laut juga dinasihatkan bersedia menghadapi suhu tinggi.

Orang ramai disarankan untuk tidak keluar rumah pada waktu paling panas pada siang hari jika boleh. Namun, pada waktu malam juga tiada kelegaan sebenar kerana suhu dijangka kekal melebihi 30 darjah Celsius walaupun selepas tengah malam.

Ketika malam tropika seperti ini, suhu hanya turun kepada sekitar 25 darjah pada awal pagi sebelum kembali meningkat selepas pukul 6 pagi.

Gelombang haba ini dijangka berlarutan sehingga Khamis.

Kejadian haba melampau kini berlaku lebih awal dalam tahun, dengan pakar mengaitkannya dengan perubahan iklim akibat dicetuskan manusia.

Menurut AEMET, hanya dua gelombang haba direkodkan pada bulan Jun antara 1975 hingga 2000, manakala sembilan telah berlaku antara 2000 hingga 2024.

Tahun ini, suhu sekitar 40 darjah Celsius telah berlaku pada bulan Mei, cuaca yang biasanya hanya berlaku pada bulan Ogos. - ©BERNAMA

Cuaca buruk landa beberapa wilayah di New Zealand

AUCKLAND (New Zealand), 28 Jun. - Cuaca buruk melanda beberapa wilayah di New Zealand melibatkan Pulau Utara dan Pulau Selatan, lapor Xinhua.

Di Auckland yang merupakan bandar terbesar negara itu, penerbangan ke Lapangan Terbang Auckland telah ditangguh, dibatalkan atau dialihkan ke lapangan terbang lain akibat angin kencang.

Hujan lebat dan angin kencang turut menyebabkan banjir setempat, manakala sebuah bangunan di Auckland dilaporkan runtuh akibat angin kuat.

Had laju di Jambatan Pelabuhan Auckland telah dikurangkan kepada 90 kilometer/sejam apabila angin kencang melanda bandar itu pada pagi Jumaat, menurut Agensi Pengangkutan New Zealand.

Amaran Hujan Lebat Jingga turut dikeluarkan untuk beberapa wilayah di Pulau Selatan yang dijangka berakhir pada petang Jumaat.

Hujan lebat dan banjir turut memaksa beberapa penduduk di Wilayah Marlborough berpindah pada pagi Jumaat. - ©BERNAMA

Qatar tuan rumah perlawanan akhir Piala Konfederasi FIFA 2025

ZURICH, 28 Jun. - Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) pada Jumaat mengumumkan bahawa Qatar akan menjadi tuan rumah bagi tiga perlawanan akhir Piala Konfederasi FIFA 2025 pada Disember depan, menjadikannya tahun kedua berturut-turut negara itu menganjurkan perlawanan akhir kejohanan berprestij tersebut.

Agensi Berita Qatar (QNA) melaporkan bahawa FIFA dalam satu kenyataan memaklumkan kejohanan itu dijadual bermula pada 14 September apabila Pyramids FC dari Mesir, juara Liga Juara-juara CAF, menentang Auckland City FC dari New Zealand, juara Oceania.

Pemenang perlawanan itu akan

berdepan Al Ahli SC dari Arab Saudi pada perlawanan kedua kejohanan pada 23 September di Stadium King Abdullah Sports City di Jeddah, dengan pemenang akan mara ke peringkat akhir yang akan berlangsung di Qatar.

FIFA memaklumkan tiga perlawanan akhir yang akan dihoskan Qatar akan bermula pada 10 Disember dengan perlawanan Copa Americas antara Cruz Azul dari Mexico, juara CONCACAF, dan juara Amerika Selatan yang akan ditentukan kemudian.

Perlawanan kedua, yang dijadual pada 13 Disember untuk Challenge Cup, akan menemukan pemenang perlawanan Copa Americas dengan pemenang perlawanan antara Al Ahli Arab

Saudi dan pemenang perlawanan antara Pyramids FC dan Auckland City.

Perlawanan ini akan menjadi separuh akhir kejohanan, manakala pertandingan akan diakhiri dengan perlawanan akhir Piala Konfederasi FIFA pada 17 Disember apabila Paris Saint-Germain, juara Eropah, akan menentang pemenang perlawanan separuh akhir itu.

Qatar sebelum ini telah menjadi tuan rumah bagi tiga perlawanan akhir edisi Piala Konfederasi FIFA 2024 di bawah format baharu kejohanan itu, dengan Real Madrid muncul juara selepas menewaskan Pachuca dari Mexico 3-0 di Stadium Lusail. - ©BERNAMA

Kemboja perkenal ubat cegah HIV suntikan jangka panjang Cabotegravir

PHNOM PENH, 28 Jun. - Kemboja melancarkan ubat pencegahan HIV suntikan jangka panjang, Cabotegravir untuk Profilaksis Pra-Pendedahan (CAB-PrEP) pada Jumaat, yang menyasarkan individu berisiko tinggi dijangkiti HIV, lapor Xinhua.

Bercakap pada majlis pelancaran di Phnom Penh, Setiausaha Negara Kementerian Kesihatan, Youk Sambath berkata CAB-PrEP perlu disuntik setiap dua bulan dan ia mempunyai keberkesanan sehingga 95 peratus dalam mencegah jangkitan HIV.

HIV adalah virus yang menyebabkan AIDS.

"CAB-PrEP merupakan pilihan baru untuk kumpulan berisiko tinggi bagi melindungi diri mereka daripada dijangkiti HIV dengan lebih berkesan," katanya.

"Kemboja merupakan negara pertama di rantau ini yang melaksanakan suntikan Cabotegravir jangka panjang sebagai Profilaksis Pra-Pendedahan HIV," katanya lagi.

Sambath berkata pada fasa pertama, CAB-PrEP boleh diperoleh di Klinik Kebangsaan untuk AIDS, Dermatologi dan Penyakit Kelamin, Pusat Kesihatan Tuol Kork dan Persatuan Chhouk Sar di Phnom Penh.

Beliau berkata CAB-PrEP menyediakan pilihan baharu selain PrEP oral yang telah diperkenalkan di negara Asia Tenggara sejak 2019.

Sambath berkata Kemboja komited untuk mencapai sasaran rawatan HIV 95-95-95 menjelang akhir 2025.

Sasaran itu bermaksud 95

peratus individu yang hidup dengan HIV mengetahui status mereka, 95 peratus daripada mereka yang mengetahui status HIV menerima rawatan antiretrovirus yang menyelamatkan nyawa dan 95 peratus daripada mereka yang menerima rawatan berjaya mengekang tahap virus ke paras tidak dapat dikesan.

Menurut Pusat Kebangsaan HIV/AIDS, Dermatologi dan Penyakit Kelamin (NCHADS), Kemboja mempunyai kira-kira 76,000 individu yang hidup dengan HIV/AIDS, dengan 69,413 daripada mereka telah menerima rawatan antiretrovirus.

Kira-kira 7,000 orang masih tidak menyedari mereka dijangkiti HIV dan belum menerima rawatan antiretrovirus, menurut NCHADS. - ©BERNAMA

Hokage Warriors juara Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei 2025

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Ahad, 29 Jun. - Hokage Warriors dinobatkan juara Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 pada majlis penutup liga berkenaan yang berlangsung petang tadi di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Sementara naib juara disandang oleh Falcons, manakala Roses pula berjaya merangkul tempat ketiga.

Anugerah Best Shooter dimenangi oleh Dayang Nurhafizah binti Haji Abdul Sidek dari Falcons, manakala Best Defender diberikan kepada Dayang Nur Ameerah Munirah binti Amirsufri Sufian dari Hydra, sementara Best Attacker milik Cheng Hei Yen dari Falcons.

Penerima bagi Most Promising Young Player pula diterima oleh Alexandra Liana Smith-Tugaga dari Young Bees, manakala Best Fair Play Team diberikan kepada Young Bees.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie.

Sebelum itu, Falcons menunjukkan prestasi cemerlang apabila berjaya menewaskan Thundernets dengan keputusan 55 - 40.

Pada suku masa pertama menyaksikan Falcons mendahului permainan 13 - 10 dan mengekalkan momentum dengan jaringan 14 - 7 pada suku masa kedua.

AKSI para pemain pada Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 (kanan dan bawah kanan). Manakala gambar bawah kiri, pasukan juara BNL semasa menerima hadiah pada majlis penutup liga berkenaan.

Dalam permainan suku masa ketiga, Falcons terus mendahului dengan kelebihan tiga mata melalui jaringan 16 - 13.

Manakala pada suku keempat pula menyaksikan aksi semakin sengit dengan kedua - dua pasukan saling berbalas jaringan, namun Falcons kekal konsisten, menutup perlawanan dengan keputusan 12 - 10.

Sebanyak lima buah pasukan tempatan beraksi merebut gelaran juara dalam BNL pada



tahun ini, iaitu Hokage Warriors, Thundernets, Roses, Falcons dan Hydra.

Liga anjuran Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam (BNA) berkenaan menjadi platform penting dalam memperkasa kemahiran atlet serta membina kerjasama berpasukan, di samping menjadi sebahagian daripada persiapan menuju Sukan SEA 2025 yang akan

dijadualkan berlangsung di Bangkok, Thailand pada Disember nanti.

Turut hadir, Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohammad Yassin; Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh; dan Presiden BNA, Leftenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili.



WALKATON HIJRAH ERATKAN SILATURAHIM



TEMBURONG, Ahad, 29 Jun. - Lebih 100 orang terdiri pegawai dan kakitangan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong dan pasukan beruniform serta penduduk kampung telah menyertai Walkaton Hijrah sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 anjuran Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap

(Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Perjalanan lebih kurang 3.4 kilometer ini bermula dari Pos Dakwah Kampung Selapon hingga ke Taman Aie Tenab dan berakhir di pos berkenaan.

Adapun tujuan Walkaton Hijrah ini diadakan adalah sebagai menyemarakkan Sambutan Ilal

Hijrah 1447 di Daerah Temburong, sekali gus bagi memeriahkan Pos Dakwah Kampung Selapon dengan perlaksanaan program-program bentuk keagamaan dan riadah.

Antara lain juga ia sebagai medium dakwah dan pelaksanaan Rancangan Strategik KHEU iaitu Dakwah Mantap Berkesan dengan menggabungkan perisian keagamaan dan riadah serta

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Walkaton Hijrah sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan atas kiri).

mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan pegawai kerajaan dan penduduk kampung.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung

Labu Estate dan Piasau-Piasau / Pemangku Penghulu Mukim Zon 1; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar dan Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri.



ZUMBA AMAL BANTU PELAJAR MEMERLUKAN BANTUAN PENDIDIKAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Jerudong Park Medical Centre (JPMC) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada acara Zumba Amal 'Move for Hope' yang diadakan di Dewan Serbaguna. Juga hadir sama, Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

BERAKAS, Ahad, 29 Jun. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) menghidupkan semangat pergerakan, makna dan komuniti melalui kejayaan acara Zumba Amal 'Move for Hope' yang

diadakan pagi tadi di Dewan Serbaguna, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Acara berkenaan diadakan adalah bersempena dengan Hari Jururawat dan Bidan

Antarabangsa (International Nursing and Midwifery Day-INMD) 2025 dan disertai oleh lebih daripada 600 peserta dalam kalangan orang awam serta agensi kerajaan, yang disatukan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

dengan matlamat bersama untuk menyokong pelajar yang memerlukan bantuan pendidikan melalui Program Ri'ayah Wa Maabbah di bawah Kementerian Pendidikan.

Majlis disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Juga hadir sama ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Setiap peserta menerima kit barangan edisi terhad dan menyertai sesi kecergasan, dengan semua hasil sumbangan disalurkan bagi membantu pelajar memperoleh persekitaran pembelajaran yang selamat dan stabil.

Sebagai sebahagian daripada Sambutan INMD yang lebih luas,

acara berkenaan sejajar dengan tema global 'Jururawat Kami, Masa Depan Kita : Menjaga Jururawat Mengukuhkan Ekonomi', bagi menghargai dedikasi jururawat dan bidan serta menonjolkan komitmen JPMC terhadap penjagaan holistik dan tanggungjawab sosial.

'Move for Hope' merupakan antara acara kemuncak dalam Sambutan INMD 2025 tahun ini, yang turut merangkumi Persidangan INMD 2025, Spin for Hope, dan Sarapan Bersama Jururawat.

Lebih daripada sekadar sambutan, inisiatif-inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen JPMC dalam menangani ketidaksamaan pendidikan melalui penyediaan kelengkapan sekolah, pakaian seragam, dan bantuan yuran, di samping usaha kesedaran awam mengenai halangan kepada akses pendidikan.

Memupuk perpaduan dalam kalangan penduduk kampung

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jun. - Walkaton Hijrah Minal Masjid Ilal Masjid dimeriahkan dengan penyertaan seramai 400 peserta bersempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1447 anjuran bersama Majlis Perundingan Mukim (MPM) Kilanas, masjid-masjid di bawah Mukim Kilanas dan Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan seterusnya menyertai walkaton berkenaan bersama para peserta sejauh 3.8 kilometer (km) bermula dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (Masjid DRIPAD), Kampung Bebatik, Mukim Kilanas dan berakhir di Masjid Kampung Bunut.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas serta Pemangku Penghulu Mukim Kilanas dan ketua-ketua kampung di bawah mukim berkenaan.

Terdahulu, Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diadakan di Masjid DRIPAD diimamkan oleh Pegawai Perantis Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Awang Ahmad Ghadafi bin Abdul Nasir.

Sejurus tiba di Masjid Kampung Bunut, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyampaikan sijil penyertaan kepada wakil masjid-masjid di bawah Mukim Kilanas, iaitu Masjid DRIPAD; Masjid Kampung Bunut; Masjid Kampung Kilanas; Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah (MJPSHHB), Kampung Jangsak; Masjid Kampung Bengkurong dan Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Acara juga diteruskan dengan penyampaian hadiah bagi Peraduan Menulis Tulisan Jawi bagi kanak-kanak berumur 8 hingga 11 tahun kepada Dayang Nur Morissa binti Muhammad Humaidi sebagai juara, diikuti Dayang Aulia Disha Nurdina tempat kedua, manakala Dayang Noor Afiratul binti Zaidi pula berada tempat ketiga.

Sementara bagi pemenang tiga teratas Peraduan Mewarna Lukisan bagi kanak-kanak berumur 5 hingga 7 tahun pula diberikan kepada Dayang Nur Fatheema As-Zahra binti Mohammad Aiman, Dayang Clarissa Nur Humaira dan Awang Mohd. Firdaus Hidaitullah bin Bahrin.

Sebelum bersurai, Doa Selamat bagi memohon keberkatan dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Bunut, Awang



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyertai walkaton berkenaan bersama para peserta. Turut hadir pada majlis tersebut, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Mohd. Fakhirin bin Dato Haji Zainal, diikuti dengan laungan Selawat Nabi sebanyak tiga kali.

Acara tahunan seumpama berkenaan setentunya dihasrat dapat memupuk

perpaduan dalam kalangan warga penduduk di bawah mukim berkenaan selain mengeratkan ukhuwah mereka dan mempraktikkan gaya hidup sihat.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MELAKUKAN SEGALA SURUHAN-NYA DAN MENINGGALKAN SEGALA LARANGAN-NYA